**Pulau Pinang Bangkit!**
MS 4 & 20

PENANG BANGKIT BOUNCE BACK
http://www.penangbangkit.com

**Jom, ronda Penang!**
MS 9,16 & 14



PERCUMA

buletin Mutiara

www.buletinmutiara.com




1 – 15 JANUARI, 2018

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Peniaga puji wajah baru Chowrasta gesa Pusat pulih ekonomi negara

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **NUR AFIQAH ZAINUDI & LAW SUUN TING**

**LAZIMNYA,** rata-rata berpuas hati dengan penaiktarafan pasar antara tertua negara, Pasar Chowrasta, namun di sebalik senyuman tersebut, para peniaga serta pengunjung yang ditemui meluahkan bahawa Kerajaan Pusat perlu melakukan sesuatu dengan keadaan ekonomi Malaysia kini.

Ketika penulis dan jurugambar bertandang ke gerai menjual santan milik keluarga **OMAR JEFRI**, 43, kebetulan ketika itu beliau sedang melayani seorang pelanggan yang ingin membeli santan bernilai RM2.

Melihat pada bungkusan plastik kecil yang hanya hampir memenuhi separuh daripada saiz biasa, penulis tersentak sambil bertanya kepada Omar, "Ini santan RM2?"

Sambil menoleh ke arah penulis, Omar dengan tersenyum mengangguk dan menjawab "Ya".

"Pasaran dulu lagi bagus sebab ekonomi lebih *okay*. Sekarang, pelanggan macam terpaksa beli, tak beli tapi kena masak, terpaksa juga kena beli.

"Jika ekonomi bagus, orang boleh beli lebih barang lebih okay, kita berniaga juga seronok," katanya yang telah 20 tahun mengusahakan perniagaan keluarga yang diperturunkan sejak tahun 50-an.

Pendapat sama turut dikongsi peniaga ayam, **CHENG SOON HENG**, 60, yang telah berniaga selama 35 tahun.

"Tanya sama Perdana Menteri kenapa ekonomi tidak baik.

"Berbanding dulu, perniagaan kini tidak seberapa sebab ekonomi negara tidak baik.

"Malah, bagi saya, saya tidak upah orang gaji sebab bila upah orang gaji, saya tidak boleh untung kerana kena bayar upah," ujarnya kepada Buletin Mutiara.

Bagaimanapun, sebagai orang lama Pasar Chowrasta, Omar dan Soon Heng amat berpuas hati dengan infrastruktur dan keadaan di Pasar Chowrasta kini.

"Dah setahun duduk di sini, tak kena hujan, tak kena panas... amat selesa.

"Sewa bulanan juga amat rendah. Air dan elektrik, kami cuma bayar mengikut kadar yang kami gunakan sebab setiap gerai dilengkapi dengan meter masing-masing.

"Kerajaan sekarang (Pakatan Harapan) lebih *okay*, lebih baik," jelas Soon Heng yang berasal dari Bayan Baru sambil tersenyum dengan menyatakan bahawa beliau bakal menerima wang RM100 Program Warga Emas buat julung kalinya tahun ini.

Bagi Omar, dengan keadaan lantai Pasar Chowrasta yang tidak lagi basah dan licin, beliau menyatakan bahawa tiada lagi pelanggan yang jatuh tergelincir.

"Sempoi... lantai, tandas dicuci dua kali sehari. Lantai tidak lagi basah, malah tandas yang bersih juga dapat digunakan secara percuma," katanya sambil memuji bahawa Kerajaan Negeri kini berada dalam 'keadaan' baik.

*(Bersambung di muka 21).*




**RUPA bentuk Pasar Chowrasta setelah siap dinaik taraf.**

# Kuasai Revolusi Industri 4.0 dalam sistem penyampaian, seru KM kepada penjawat awam negeri

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**



**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan penjawat-penjawat awam bergambar kenangan selepas selesai Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Pulau Pinang Bersama-sama Ketua Menteri di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Penjawat awam negeri Pulau Pinang perlu menguasai ilmu pengetahuan berasaskan pengumpulan dan analisa data yang dapat membantu mereka menempatkan diri dalam Revolusi Industri 4.0.

Seruan tersebut disuarakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sempena Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Pulau Pinang Bersama-sama Ketua Menteri.

Guan Eng berkata, bagi mencetuskan paradigma atau transformasi berbentuk '*game-changer*', para penjawat awam negeri perlu menguasai Revolusi Industri 4.0 dalam melaksanakan sistem penyampaian kepada rakyat.

"Revolusi Industri 4.0 adalah ilmu pengetahuan berasaskan pengumpulan dan analisa data menerusi komputer khususnya *big data analytics*, pengkomputeran awan, *artificial intelligence, robotics,* internet benda *(IOT)* dan e-dagang.

"Penjawat awam perlu memahami hal (Revolusi Industri 4.0) ini, jika tidak, anda akan ketinggalan dan tidak akan maju kerana teknologi hari ini mengubah kehidupan kita.

"Jika kita tidak faham sebetulnya, ia (teknologi) akan memerintah kita. Jadi, sekiranya kita tak mahu dikuasai teknologi, caranya adalah dengan kita memahami teknologi tersebut secara lebih mendalam," ucapnya di hadapan kira-kira 4,000 penjawat awam negeri di sini 20 Disember lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), Exco-exco Kerajaan Negeri; Dato' Seri Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri); Dato' Sarul Bahiyah Abu (Pegawai Kewangan Negeri); Dato' Anas Ahmad Zakie (Penasihat Undang-undang Kerajaan Negeri); Sahibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor (Mufti Kerajaan Negeri) dan Khalid Khan Abdullah (Timbalan Ketua Audit Negara).

Menurut Guan Eng, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) merupakan agensi pertama di bawah Kerajaan Negeri yang telah mengadakan kursus khas kepada kakitangannya berhubung Revolusi Industri 4.0.

Sehubungan itu, beliau yang merupakan Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan dan Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam berharap semua penjawat awam negeri akan terus menyemarak dalam melaksanakan tanggungjawab berlandaskan prinsip Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT) dan SIKAP (*Skill, Integrity, Knowledge, Attitude, Procedure*).

"Dalam usaha memperkukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan awam, saya berharap semua dapat membantu kami (Kerajaan Negeri) menerangkan dasar-dasar Kerajaan Negeri dalam usaha menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri keusahawanan dan kebajikan yang bersih, hijau, sihat dan selamat," ujarnya.

Pada majlis tersebut, Kerajaan Negeri turut menerima pengiktirafan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan Bertaraf 5 Bintang dari Jabatan Audit Negara dan pencapaian Pengurusan Lean Bertaraf Emas daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

# Penjawat awam diingatkan tidak sewenang mohon cuti kecemasan, seru Setiausaha Kerajaan Negeri

**GEORGE TOWN –** Penjawat awam diminta mematuhi peraturan ditetapkan bagi menjamin integriti perkhidmatan awam secara keseluruhannya, ujar Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus.

Katanya, sehingga 30 November 2017, sebanyak 27 kes tatatertib dilaporkan berbanding 37 (kes) pada tahun 2016.

"Daripada jumlah ini, seramai 14 pegawai telah dikenakan tindakan tatatertib buang kerja.

"Manakala, sembilan pegawai dikenakan amaran, pegawai dilucut hak emolumen (4), pegawai ditangguh pergerakan gaji (6) dan pegawai diturunkan gaji (3).

"Tindakan tatatertib ini diharap dapat menyedarkan pegawai berkenaan bahawa pelanggaran tatatertib boleh menyebabkan mereka dibuang kerja," jelasnya ketika ditemui selepas Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Pulau Pinang Bersama Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Farizan turut mengingatkan penjawat awam negeri agar tidak sewenang-wenangnya mohon cuti kecemasan (EL) hingga mempengaruhi komitmen tugasan harian.

"Saya ingin ingatkan kepada semua penjawat awam agar tidak sewenangnya memohon cuti kecemasan... sekiranya perlu, mungkin kita (Kerajaan Negeri) akan mempertimbangkan syarat khas ini untuk pemberian bonus tahun hadapan (2018)," ujarnya yang merujuk kepada trend peningkatan permohonan cuti kecemasan dalam kalangan penjawat awam di negeri ini.

Mengulas lanjut, Farizan berkata, peningkatan tersebut adalah ekoran syarat-syarat khusus yang mula diguna pakai Kerajaan Negeri bagi pemberian bonus kakitangan sejak beberapa tahun ini.

"Dapat dilihat permohonan cuti sakit dari klinik swasta turun mendadak apabila Kerajaan Negeri mula mengenakan syarat maksimum cuti sakit swasta untuk pemberian bonus.

"Tapi faktor ini menyebabkan permohonan cuti kecemasan meningkat naik," ulas beliau.



# Kembalikan sepak takraw sebagai sukan teras negara

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NUR AFIQAH ZAINUDI**

**GEORGE TOWN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyampaikan RM20,000 sumbangan insentif atas kejayaan pasukan negeri *Penang Black Panthers* menjuarai Liga Juara Sepak Takraw (STL) 2017 baru-baru ini.

Bercakap kepada pemberita, Presiden Persatuan Sepak Takraw Malaysia dan Pulau Pinang, Datuk Seri Ahmad Ismail merakamkan penghargaan atas pentadbiran Guan Eng yang mahu sepak takraw kembali menjadi sukan teras negara dan dipertandingkan dalam Sukan Malaysia (SUKMA).

"Saya begitu teruja dan kagum dengan komitmen Kerajaan Pulau Pinang yang telah sudi dan sanggup mengiktiraf peranan Persatuan Sepak Takraw Pulau Pinang, yang membolehkan kita menjuarai pelbagai kejohanan.

"Sepak takraw asal dari Pulau Pinang dan merupakan satu-satunya sukan yang negara kita uar-uarkan sampai menjadi sukan antarabangsa.

"Jangan sampai mengorbankan sukan warisan negara kita (iaitu sepak takraw)," tegasnya dalam sidang media bersama-sama Guan Eng di sini 21 Disember lalu.




**KETUA Menteri menyerahkan cek sumbangan kepada Ahmad Ismail (berkot biru) sambil disaksikan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, wakil-wakil pasukan PESENANG serta barisan atlet pada majlis penyampaiannya di sini baru-baru ini.**




**POSTER kemenangan *Penang Black Panthers*. (Ihsan: PESENANG).**

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Penasihat Strategik Kepada Ketua Menteri, Datuk Saifuddin Nasution Ismail; Timbalan Presiden Persatuan Sepak Takraw Pulau Pinang merangkap Bendahari Persatuan Sepak Takraw Malaysia, Datuk Abdul Jalil Ariffin dan Jurulatih pasukan negeri, Ahmad Supian Napiah.

Sebelum itu, Guan Eng menggesa Menteri Belia & Sukan, Khairy Jamaluddin supaya kembalikan sepak takraw sebagai sukan teras negara dan dipertandingkan dalam SUKMA.

Malah, beliau turut menggesa Kementerian Belia dan Sukan supaya kembali menyalurkan peruntukan berwajib kepada persatuan sepak takraw untuk membangunkan acara 'sukan desa' tersebut.

"Kita harap bahawa Kementerian Belia dan Sukan boleh menerima ataupun memberikan pengiktirafan betapa pentingnya sepak takraw kepada rakyat Malaysia, khususnya dalam kalangan orang kampung.

"Menggugurkan sepak takraw sebagai sukan teras dengan tidak memberikan dana peruntukan pembangunan, saya rasa ini berlawanan dengan aspirasi negara, jangan lupa bahawa sepak takraw bermula di Malaysia," serunya.

Tambah Guan Eng, rekod pencapaian pasukan sepak takraw negara 'turun dan naik' di peringkat antarabangsa itu adalah adat pertandingan, tetapi tidak boleh sampai menggugurkan acara 'sukan warisan' tersebut di tanah air ini sendiri.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1960, PESENANG atau Persatuan Sepak Takraw Pulau Pinang dilihat menjadi pasukan paling digeruni serta berjaya melahirkan pemain-pemain kebangsaan sehingga kini.

Pasukan Pulau Pinang, '*Penang Black Panthers*' sejak 2015 muncul sebagai Naib Juara STL, serta mempertahan kejuaraan dua tahun berturut-turut dalam kejohanan sama pada tahun 2016 dan 2017.

Awal Disember lalu, dilaporkan, Khairy berdalih kononnya beliau mempunyai alasan sendiri untuk menggugurkan tiga sukan iaitu angkat berat, taekwondo dan sepak takraw daripada sukan teras negara, sehingga dikatakan menggamit reaksi pelbagai pihak termasuk kira-kira 5.3 juta peminat tegar sukan sepak takraw sendiri.

# Putrajaya diseru saling kerjasama dengan negara maju, kemas kini informasi amaran awal bencana

**SEBERANG JAYA** - Putrajaya sekali lagi digesa untuk saling bekerjasama dengan negara-negara maju yang mempunyai kemudahan teknologi moden dalam mengemaskini informasi amaran awal bencana, demi manfaat rakyat di tanah air ini.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, kelewatan mendapatkan amaran awal bencana daripada Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) mengakibatkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak boleh melaksanakan lebih banyak persiapan menghadapi bencana, termasuk memindahkan penduduk berwajib sebelum kejadian banjir pada 15 September dan 4 November lalu.

"Macam bencana paling buruk dalam sejarah Pulau Pinang pada 4 dan 5 November, dia (MET Malaysia) beri amaran (awal bencana berada pada tahap) paling tinggi pada 9.30 malam, faksimili ke pejabat pun mana ada orang, pada hari Sabtu pula.

"Kita (Pulau Pinang) ada masalah apabila bertemu pemimpin negara-negara lain, mereka cakap mereka boleh saling berkongsi maklumat dengan Kerajaan Pusat sahaja, tidak boleh secara langsung dengan Kerajaan Negeri.

"Justeru, saya telah tulis surat untuk bertemu dengan Menteri terbabit di Putrajaya, mutu (kemas kini informasi amaran awal bencana) oleh Jabatan Meteorologi ini perlu lebih profesional, lebih awal, lebih tepat dan lebih baik," responsnya kepada pemberita, selepas berucap dalam Majlis Jamuan Penghargaan Kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) Bertugas Pasca Banjir di Kompleks Ibu Pejabat MPSP di sini 23 Disember lalu.

Penjelasan tersebut sekaligus menjawab soalan pemberita kononnya Kerajaan Negeri akan membangunkan sendiri satu sistem amaran awal bencana seperti dilaporkan dalam media tertentu baru-baru ini.

Dalam perkembangan lain, Guan Eng sekali lagi mengumumkan bahawa ekoran bencana berkaitan, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Pulau Pinang Bangkit termasuk pemberian RM33.9 juta atau RM700 secara '*one-off*' kepada 48,424 mangsa yang terlibat dalam bencana banjir pada 4 dan 5 November lalu.

"Ini adalah peruntukan paling besar khas dalam negara untuk mangsa-mangsa bencana banjir baru-baru ini," ujarnya.

# Terima kasih dan syabas! "Kita semua berani berdepan cabaran, bantu Pulau Pinang bangkit semula" - KM

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PANTAI JEREJAK -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa pihak Kerajaan Negeri tidak sesekali akan melupakan jasa 1,748 kakitangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang bertungkus-lumus 'memulihkan' negeri ini daripada kesan bencana banjir terburuk yang berlaku pada 4 dan 5 November lalu.

Menurut beliau, walaupun ada antara kakitangan yang rumah mereka sendiri dilanda banjir, namun tetap sanggup hadir memberi bantuan dalam kerja-kerja pembersihan.

"Saya difahamkan bahawa seramai 1,748 kakitangan MBPP dari pelbagai jabatan turut serta dalam operasi pembersihan pasca banjir ini.

"Syabas dan tahniah diucapkan kerana anda, kita semua berani berdepan cabaran, dan bantu Pulau Pinang bangkit dengan cepat (10 hari).

"Kerajaan Negeri dalam pada itu turut memperkenalkan Program Pulau Pinang Bangkit dan memperuntukkan RM105 juta untuk membantu dalam pemulihan dan pembinaan semula kehidupan rakyat," ucapnya pada Majlis Jamuan Makan Malam dan Penghargaan Kepada Petugas-petugas MBPP Yang Terlibat Dalam Operasi Banjir di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Datuk Bandar MBPP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif; Setiausaha Bandaraya bagi MBPP, Ar. Yew Tung Seang dan Ahli-ahli Majlis MBPP.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, sebagai Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab, pihaknya tidak akan lari daripada masalah.

"Walau macam mana susah, walau macam mana sukar, walau macam mana pedih pun, kita (Kerajaan Negeri) tidak akan berganjak, tidak akan elak, tidak akan hilangkan diri, tidak akan lari, malah kita (Kerajaan Negeri) akan berdepan bersama-sama rakyat," tegasnya dengan penuh semangat.

Kon Yeow dan Maimunah ketika berucap turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada seluruh agensi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan (NGO), sukarelawan dan individu-individu yang berdedikasi 'memulihkan' Pulau Pinang dalam tempoh singkat.



MUHAMMAD Asraf Che Sap.

Bagi anggota Penguatkuasa MBPP, **MUHAMMAD ASRAF CHE SAP**, 24, kenangan bertugas ketika banjir sememangnya tidak akan dilupakan sampai bila-bila.

"Ketika hari banjir, saya tidak tidur lebih daripada 20 jam kerana bertugas, pakaian pun tidak sempat tukar, dalam keadaan pakaian yang basah, saya tetap terus bertugas bagi memastikan Pulau Pinang pulih dengan cepat.

"Tambahan pula motosikal saya turut mengalami kerosakan ketika bertugas akibat meredah air banjir," ujarnya yang telah berkhidmat selama tiga tahun dengan MBPP kepada Buletin Mutiara di sini.



**MAIMUNAH Mohd. Sharif (berbaju kurung merah) dan Ar. Yew Tung Seang (berkemeja kuning) bergambar kenangan bersama-sama kakitangan MBPP pada Majlis Jamuan Makan Malam dan Penghargaan Kepada Petugas-petugas MBPP Yang Terlibat Dalam Operasi Banjir di sini baru-baru ini.**

Seorang lagi kakitangan, **ABDUL QAYYUM ABDUL AZIZ**, 31, menyatakan bahawa sebagai kakitangan MBPP, beliau tidak menghiraukan penat dan keringat yang dicurahkan asalkan negeri ini mampu pulih dengan cepat.

"Rasa puas bila Pulau Pinang mampu pulih dan bersih seperti sedia kala dalam tempoh 10 hari sahaja, dengan adanya majlis penghargaan macam ini, kami berasa dihargai oleh Kerajaan Negeri," jelasnya.



ABDUL Qayyum Abdul Aziz.

## Mengharukan, rumah sendiri dilanda banjir namun sukarelawan MPSP utamakan Program Penang Bangkit

**SEBERANG JAYA -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menzahirkan rasa terharu apabila mendapat tahu ada beratus rumah kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sendiri dilanda banjir, tetapi mereka masing-masing teguh memberi komitmen penuh dalam menjayakan beberapa program Hari Sukarelawan Pulau Pinang Bangkit baru-baru ini.

"Ada pekerja-pekerja am, rumah mereka pun turut dilanda banjir, tapi sungguhpun begitu, mereka tidak terus bersihkan rumah mereka dahulu, tapi utamakan kerja-kerja sukarelawan pulihkan keadaan Seberang Perai.

"Inilah semangat, amanah dan tanggungjawab yang kita mahu terus galas sebagai keluarga besar MPSP," ujarnya dalam nada terharu pada Majlis Jamuan Penghargaan Kakitangan MPSP Bertugas Pasca Banjir dekat lobi Kompleks Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda di sini 23 Disember lalu.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dan Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng; Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod serta Gabenor Daerah Lion Club International District 308 B2 (Lion Club), Douglas Oh Aik Kim.

Menurut Rozali, majlis keraian itu adalah melibatkan 1,265 sukarelawan terdiri oleh barisan ahli majlis, kakitangan beberapa jabatan dalaman pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan serta pekerja am dari Depoh Ampang Jajar, Depoh Padang Lalang dan perwakilan-perwakilan badan bukan kerajaan (NGO) Lion Club.

Tambah beliau, MPSP juga turut meraikan 1,904 sukarelawan dari Depoh Bertam, Depoh Padang Chempedak, Depoh Bagan Dalam, Depoh Inderawasih, Depoh Berapit, Depoh Jawi dan Depoh Asas Murni dalam majlis jamuan penghargaan sama pada 15, 18 dan 22 Disember sebelum ini.



**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan kakitangan MPSP bergambar kenangan pada Majlis Jamuan Penghargaan Kakitangan MPSP Bertugas Pasca Banjir di sini baru-baru ini.**

"Saya ingat di semua kawasan, sebanyak lima kali kerja-kerja mengutip sisa pasca banjir.

"Sebanyak 15,942 tan sisa telah dikutip dan dilupuskan di Tapak Pelupusan Ampang Jajar," kata Rozali dalam sidang media selepas itu.

Beliau memberitahu, seramai 626 kakitangan MPSP pada majlis tersebut direkodkan menerima bantuan sumbangan barangan daripada Lion Club, kerana kediaman masing-masing turut dilanda bencana banjir sejak 4 November lalu.

# Pelabuhan Swettenham No. 1, terbanyak terima kapal pelayaran mewah

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALVIE CHENG**

**GEORGE TOWN –** Pelabuhan Swettenham kini menjadi pelabuhan nombor satu yang menerima ketibaan kapal pelayaran mewah paling banyak dalam negara sekaligus mengatasi Pelabuhan Klang.

Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang berkata, bagi tempoh setengah tahun pertama 2017, pelabuhan tersebut telah menerima sebanyak 125 kapal pelayaran berbanding Pelabuhan Klang (87).

Menurut beliau, perkembangan berkenaan membawa kepada kesan positif peningkatan pelancong dalam negeri selain memberi manfaat kepada industri pelancongan kapal pelayaran.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang sangat serius terhadap perkembangan pelancongan kapal pelayaran di sini.

"Mengikut statistik dari Januari hingga Jun 2017, pelabuhan ini telah menerima sebanyak 125 kapal pelayaran... yang kadang-kalanya ia (Pelabuhan Swettenham) menerima permintaan sehingga empat kapal pelayaran sehari," ujarnya sambil menyatakan bahawa lokasi pelabuhan yang strategik telah memudahkan para pelancong mengakses ke lokasi-lokasi menarik sekitar bandar George Town.



**LAW Heng Kiang (berkemeja merah jambu) beramah-mesra sambil menyantuni sebahagian penumpang *Costa Victoria* yang teruja dengan keenakan air kelapa dan durian tempatan yang disajikan khas sempena ketibaan mereka di sini baru-baru ini.**

Heng Kiang berkata demikian ketika menyambut ketibaan 2,400 penumpang kapal pelayaran mewah, *Costa Victoria* yang singgah berlabuh di Pulau Pinang pada 18 Disember lalu.

Hadir sama, Pengerusi Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB), Datuk Syed Mohamad Syed Murtaza.

Dalam usaha memenuhi permintaan penumpang yang semakin meningkat, Heng Kiang memberitahu, pihak PPSB dan syarikat pelayaran global, *Royal Carribean Cruises Ltd*. (RCCL) kini dalam rangka perbincangan bagi menaik taraf Pelabuhan Swettenham pada masa hadapan.

"Malah, kita (Kerajaan Negeri) juga menyambut baik cadangan RCCL untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai '*home-port*' pihaknya selepas kerja-kerja menaik taraf ini dilaksanakan.

"Hasrat ini sangat bagus... dengan menjadikan Pulau Pinang sebagai *home-port*, maka penumpang dari serata negara akan datang dan bermalam di Pulau Pinang sebelum memulakan pelayaran masing-masing.

"Justeru, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pelancongan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama PPSB mempunyai perancangan untuk memfokuskan pemasaran kapal pelayaran dalam skala lebih besar seperti Eropah dan Amerika Syarikat," jelasnya.

## Pusat disyor ikut Pulau Pinang guna peranti pintar ramal penularan denggi lebih awal

**GEORGE TOWN -** Seperti Pulau Pinang, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mensyorkan Kerajaan Persekutuan turut 'mencuba' kaedah pintar yang dibangunkan syarikat AIME Inc. untuk mengesan serta meramal lebih awal penularan wabak denggi di tanah air ini.

Beliau memberitahu, pentadbirannya merupakan Kerajaan Negeri pertama negara yang saling bekerjasama dengan firma pembuat peranti perisikan pintar bagi meramal wabak denggi, berpangkalan di Lembah Silicon dekat Amerika Syarikat tersebut.

"Kami (Kerajaan Negeri) tidak mahu lebih ramai lagi nyawa hilang, jadi kami mengambil risiko untuk mengurangkan jumlah kes denggi dan menyelamatkan nyawa.

"Bayangkan, kini, para pegawai kesihatan boleh mengetahui lebih awal di mana wabak seterusnya akan berlaku, kita boleh mara satu langkah ke hadapan demi mencegah kes denggi daripada merebak.

"Kami memerlukan strategi moden untuk menangani isu ini dan (perjanjian persefahaman, MoU) ini adalah sebahagian daripada pelan CAT kami (*Crush Aedes Totally*)," ucapnya di sini baru-baru ini.

Guan Eng berkata demikian sebelum menyaksikan Majlis Pemeteraian MoU antara Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan Presiden AIME Inc., Rainier Mallol.

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.



**FARIZAN Darus (empat dari kanan) bertukar-tukar dokumen dengan Rainier Mallol (lima dari kiri) sambil disaksikan Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada majlis pemeteraian MoU antara dua pihak berkaitan di sini baru-baru ini.**

Sebelum itu, Mallol memberitahu bahawa tahap ketepatan ramalan dengan menggunakan peranti pintar dibangunkan AIME Inc. adalah 84 peratus.

Menurut beliau, sistem AIME meramalkan wabak denggi lanjut melalui algoritma khas yang mengumpulkan 11 paket data berbeza, mengandungi maklumat seperti kematian denggi, kelajuan angin, tapak penularan serta beberapa faktor lain.

"Data terkumpul kemudiannya digunakan untuk menentukan wabak denggi semasa, menjangkakan wabak pada masa depan. Data berwajib kemudiannya diseragamkan dan dipetakan pada muka *Google Maps*.

"Setiap bulatan tidak akan melebihi 400 meter (m), kerana kajian PBB (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) menunjukkan bahawa nyamuk betina yang membawa virus denggi tidak akan melampaui radius 400 m.

"Tanda radius 400 m dari pusat wabak denggi juga merupakan piawaian yang digunakan oleh pegawai kesihatan awam sendiri.

"Maklumat AIME akan dihantar kepada Jabatan Kesihatan untuk tindakan lanjut...protokol piawaian menetapkan bahawa pegawai kesihatan mesti membersihkan dan langkah pengasapan dalam kawasan radius 400m, selepas sebarang wabak besar," jelas Mallol.

## Kontrak semua ahli majlis PBT diperbaharui sehingga 30 Jun 2018 - Kon Yeow

**SEBERANG JAYA -** Pembaharuan kontrak semua Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) diperbaharui untuk sesi tahun 2018 sehingga 30 Jun tahun depan.

Menjawab soalan pemberita, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow memberitahu, tempoh pembaharuan kontrak mengambil kira ura-ura Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) yang akan diadakan pada bila-bila masa tahun depan.

"Semua ahli majlis sedia ada kekal, kontrak mereka diperbaharui untuk tempoh perjawatan mulai 1 Januari hingga 30 Jun 2018 sahaja, melainkan ada mana-mana ahli majlis berhasrat untuk tidak menerima pelantikan mereka," responsnya sambil memberitahu bahawa pengumuman tersebut adalah berdasarkan keputusan Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang di Komtar baru-baru ini.



**CHOW Kon Yeow.**

# PPSB dituntut kaji semula jadual feri selaras perkhidmatan ETS, Butterworth

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **CHEAH LAY PING**

**GEORGE TOWN -** Ahli Parlimen (MP) Tanjong, Ng Wei Aik menyerahkan memorandum bagi menuntut Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) supaya menyusun semula jadual perkhidmatan feri Pulau Pinang agar selaras dengan jadual perkhidmatan tren elektrik atau ETS di Stesen Keretapi Butterworth.

Menurut beliau, perkhidmatan feri dari Terminal Feri Pangkalan Raja Tun Uda (di bahagian pulau) mula beroperasi antara jam 5:40 pagi sehingga 12:40 pagi keesokan harinya, dan feri terakhir dari bahagian pulau akan tiba di Terminal Feri Pangkalan Sultan Abdul Halim pada jam 1 pagi.

"Dalam erti kata lain, tiada perkhidmatan feri dari bahagian pulau di antara jam 12:40 pagi sehingga 5:40 pagi setiap hari sedangkan perkhidmatan ETS dari Butterworth ke Ipoh atau Kuala Lumpur (KL Sentral) akan berlepas seawal jam 4:45 pagi dan tiba di Ipoh pada 6:10 pagi, Kuala Lumpur (8:50 pagi).

"Begitu juga perkhidmatan ETS seterusnya pada jam 6:10 pagi dari Butterworth dan tiba di Ipoh pada 7:59 pagi, dan di Kuala Lumpur pada 10:27 pagi, manakala perkhidmatan ETS dari Butterworth pada sebelah malam adalah pukul 8 malam dan tiba di Ipoh pada 9:40 malam diikuti Kuala Lumpur pada 12:15 pagi keesokan harinya.

"Oleh itu, saya ingin menyerahkan memorandum kepada PPSB supaya mempertimbangkan penyusunan semula jadual perkhidmatan feri bagi membolehkan orang awam khususnya warga Pulau Pinang di bahagian pulau sempat menaiki ETS pada awal pagi," ujarnya pada sidang media di hadapan Pejabat PPSB di sini 19 Disember lalu.

Turut sama, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Wong Yuee Harng.

Mengulas lanjut, Wei Aik berkata, ketiadaan penyelarasan jadual antara perkhidmatan feri dan ETS telah menyusahkan pengguna terutamanya warga Pulau Pinang di bahagian pulau menggunakan pengangkutan awam untuk ke Seberang Perai (Butterworth).

"Feri merupakan salah satu mod pengangkutan dalam rangkaian pengangkutan awam di Pulau Pinang dan demi keselesaan umum, adalah wajar PPSB atau Syarikat Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) yang kini dalam proses pengambilalihan perkhidmatan feri mengkaji semula jadual perkhidmatan feri bagi memastikan ia dapat dinikmati tanpa perlunya mereka (umum) menggunakan pengangkutan peribadi untuk menyeberangi laut.

"Saya harap tuntutan ini dapat diberikan perhatian sewajarnya oleh pihak PPSB ataupun Prasarana selepas ini demi kemudahan rakyat Pulau Pinang keseluruhannya," katanya.

Terdahulu, Wei Aik pernah membangkitkan isu ini dalam Dewan Rakyat dan Menteri Pengangkutan melalui jawapan lisan memaklumkan bahawa perkhidmatan feri kini sedang dalam proses pengambilalihan oleh Prasarana dan masih terlalu awal untuk menentukan sama ada perkhidmatan feri akan dijalankan mengikut cadangan yang disuarakan.

Walau bagaimanapun, difahamkan bahawa Prasarana telah mencadangkan model penambahbaikan perkhidmatan feri menggunakan konsep Pembangunan Integrasi Berasaskan Pengangkutan atau ITOD di Pulau Pinang.



**NG Wei Aik (kiri sekali) pada sidang media di sini baru-baru ini.**

## Pelan tindakan 2018, sejahterakan penduduk PPR Desa Wawasan

**PADANG LALANG –** Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berharap dengan pelaksanaan pelan tindakan yang dirancang untuk penduduk di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Desa Wawasan dekat Parlimen Bukit Mertajam, ia bukan sahaja bakal mensejahtera malah juga mampu meningkatkan kualiti hidup penduduk setempat.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan lawatan ke perumahan berkaitan bersama-sama Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng dan wakil-wakil Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) baru-baru ini.

"Rentetan perbincangan yang dijalankan di PPR Desa Wawasan Mei lalu, beberapa isu komuniti telah dibangkitkan, antaranya kekurangan taman rekreasi; ketiadaan program kesedaran ataupun pembinaan kapasiti penduduk; keadaan bangunan dan persekitaran yang buruk serta kotor; kemudahan serta penyelenggaraan bangunan tidak memuaskan dan isu tunggakan sewa rumah.

"Kami (pihak Exco dan Bahagian Perumahan) telah mendengar semua pendapat anda dan telah merancang pelan tindakan untuk tahun 2018 dalam memastikan projek menaik taraf berjalan lancar dengan menumpukan kepada tiga aspek utama iaitu pemasangan peralatan di taman rekreasi, penyelenggaran bangunan, menganjurkan aktiviti serta program untuk penduduk.

"(Dan) keseluruhan pelaksanaan ini adalah membabitkan bajet RM220,000 untuk tahun 2018 berbanding sebelum ini berjumlah RM83,000...ia merupakan peningkatan bajet yang ketara," katanya pada lawatan berkaitan 17 Disember lalu.




**JAGDEEP Singh Deo (empat dari kiri), Chong Eng (tiga dari kanan) dan wakil-wakil dari PWDC ketika mengadakan lawatan ke PPR Desa Wawasan di sini baru-baru ini.**

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu, berdasarkan maklum balas dan cadangan diterima, Bahagian Perumahan telah merancang untuk memasang alat-alat senaman dan membaiki padang permainan bagi tujuan rekreasi.

"Kos RM200,000 yang diperuntukan bagi tujuan ini adalah tidak termasuk pembaikan gelanggang sepak takraw dan pemasangan meja ping pong. Selain itu, RM20,000 turut diperuntukkan bagi kerja-kerja menaik taraf dewan.

"Sebagai tambahan, melalui pelan tindakan tahun 2018 turut dirancang adalah kerja-kerja membaiki dan menurap semula jalan di kawasan PPR ini.

"(Dan) saya ingin menyeru semua, sama ada penduduk mahupun Bahagian Perumahan untuk menyokong pendekatan dimainkan PWDC dalam memastikan semua golongan masyarakat mengambil bahagian dalam projek penyertaan rakyat yang memberi manfaat kepada komuniti di kawasan berwajib," ujarnya sambil memuji pendekatan PWDC dalam memperkenalkan GRPB atau Bajet Responsif Gender & Partisipatori di semua rancangan PPR negeri ini.

## Naik taraf gelanggang bola keranjang Seberang Jaya penuhi keperluan setempat

**SEBERANG JAYA -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng meluluskan RM100,000 peruntukan kepada Pertubuhan Perayaan Yee Lan Seberang Jaya untuk menaik taraf Gelanggang Bola Keranjang Berbumbung A-Zone di sini.

**"Apabila rakyat ada keperluan, kita akan bantu walaupun dulu (sebelum tahun 2008) kawasan ini dianggap kubu kuat pembangkang iaitu Umno.**

**"Selepas tahun 2008, saya tegaskan bahawa saya akan menjadi Ketua Menteri untuk semua rakyat Pulau Pinang tidak kira komuniti penduduk setempat adalah penyokong kita atau pembangkang.**

**"Kerana ada keperluan penduduk di sini, sumbangan ini kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang) berikan seperti dimohon,"** jelasnya pada majlis penyerahan cek kepada pertubuhan berkaitan di sini baru-baru ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya serta Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng turut berucap pada majlis sama.

Hock Seng dalam ucapannya memberitahu, kerja-kerja penarafan yang akan dilaksanakan di sini, antaranya membaik pulih keretakan struktur pada lantai gelanggang, pendawaian semula kabel elektrik dengan hos kuasa yang lebih besar, serta tukar ganti lampu limpah pada jenis lampu LED.

# Cat logo 'Saya ❤ Pulau Pinang' di perumahan awam negeri diteruskan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perumahan bakal meneruskan program pengecatan logo 'Saya ❤ Pulau Pinang' di skim perumahan awam miliknya bagi menanamkan rasa kependudukan, kesetiaan dan cinta terhadap negeri ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, bagi mencapai matlamat tersebut, sejak pelaksanaan program berkaitan pada Mac 2017, sebanyak 84 lukisan logo telah sempurna dicat di pelbagai skim perumahan awam negeri.

"84 skim perumahan tersebut masing-masingnya adalah 10 logo di Padang Tembak, Kampung Melayu (2), Paya Terubong (2), Taman Tun Sardon (20), Taman Free School (8), Seberang Jaya (4), Mak Mandin I (12), Mak Mandin Hijau (4), Taman Tun Dr. Awang (10), Rumah Pangsa Jalan Mohd. Saad (6), Jawi III dan Nibong Tebal (6).

"Sehingga kini, sebanyak RM196,896 telah dibelanjakan untuk kerja-kerja pengecatan logo 'Saya ❤ Pulau Pinang' di semua 84 skim perumahan negeri," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat pada lawatannya ke skim perumahan Padang Tembak di sini baru-baru ini.

Turut serta, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari dan Ketua Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Akhmal Abu Basar.

Mengulas lanjut, Jagdeep turut memuji inisiatif Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang turut bersetuju untuk melaksanakan pengecatan logo tersebut pada skim-skim perumahannya.

"Saya difahamkan, pihak PDC telah memulakan pendekatan ini di beberapa perumahan awam miliknya, seperti di Blok I Jalan Tengah, Bayan Baru; Blok D5 Lorong Tuna, Seberang Jaya; Blok D20 Lebuh Tuna, Seberang Jaya dan Blok 344 Gat Lebuh Macallum," jelasnya.




**JAGDEEP Singh Deo (dua dari kiri) dan Zairil Khir Johari (kiri sekali) bergambar kenangan dengan berlatarbelakangkan bangunan perumahan yang dicat dengan logo 'Saya ❤ Pulau Pinang' di sini baru-baru ini.**

# Depoh khas parkir bas elak kesesakan, tiga lokasi dikenal pasti

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri telah mengenal pasti tiga tapak untuk diperkenalkan sebagai depoh khas meletak bas dalam usahanya mengurangkan kesesakan lalu lintas di bahagian pulau negeri ini.

Perkara tersebut dimaklumkan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow selepas mengadakan Majlis Dialog Bersama-sama Pengusaha Bas dan Lori di sini 21 Disember lalu.

Menurut Kon Yeow, tiga kawasan berkaitan ialah di Batu Maung (berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, PIA), Persiaran Karpal Singh dan Tanjung Tokong (bersebelahan Balai Bomba dan Penyelamat Malaysia).

"Bagi kawasan Batu Maung, sebanyak 80 ekar tanah milikan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) disediakan untuk tujuan tersebut.

"Manakala, bagi lokasi Persiaran Karpal Singh dan Tanjung Tokong, masing-masingnya milikan Kerajaan Negeri yang mampu menempatkan sejumlah 50 bas (Persiaran Karpal Singh) dan Tanjung Tokong (20) pada satu-satu masa.

"Depoh-depoh bas ini dijangka akan mula beroperasi seawal-awalnya Mac 2018, dan selepas ia diperkenalkan, SPAD (Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat) akan mengambil tindakan sekiranya pengusaha gagal berbuat demikian," katanya pada majlis sidang media selepas pertemuan berkaitan.

Hadir sama, Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Aishah Norodin dan Pengurus Kanan Bahagian Pengurusan Unit Aduan SPAD, Zachary Ismail.



**CHOW Kon Yeow (tengah, berkot) wakil-wakil agensi berkaitan, para pengusaha bas serta lori bergambar kenangan selepas majlis dialog di sini baru-baru ini.**

Terdahulu, sesi dialog tersebut dihadiri kira-kira 200 pengendali bas dan lori bersama-sama 13 agensi kerajaan termasuk SPAD, pihak berkuasa tempatan (PBT), Puspakom, Polis Diraja Malaysia dan lain-lain.

Forum tersebut antara lainnya turut membincangkan perkara-perkara berkaitan pematuhan dan aspek undang-undang.

Mengulas lanjut, Kon Yeow berharap cadangan berkenaan akan mengurangkan kesesakan lalu lintas membabitkan aduan-aduan berhubung kenderaan panjang seperti bas pelancongan, bas kilang dan lori yang memakir kenderaan masing-masing di bahu-bahu jalan sehingga menghalang lalu lintas sebelum ini.

"Sebagai tambahan, turut diterima adalah peningkatan aduan daripada penghuni taman perumahan bahawa kenderaan-kenderaan ini juga diletakkan semalaman di kawasan-kawasan perumahan hingga menyebabkan gangguan kepada penduduk lain," ujarnya yang jyga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Menurut Kon Yeow, Kerajaan Negeri sebolehnya cuba menyelesaikan masalah berbangkit berkenaan dengan menawarkan tanah sebagai alternatif.

"Kami (Kerajaan Negeri) memahami peranan logistik bas-bas dan lori ini yang merupakan antara pemacu utama ekonomi Pulau Pinang.

"Justeru, diharap cadangan ini mampu mengatasi masalah-masalah kawasan meletak kenderaan ini pada masa hadapan," jelasnya.

# Menjadi komitmen Kerajaan Negeri pastikan perumahan awam diselenggara dengan baik – Exco

**AIR ITAM –** Kerajaan Negeri bakal memperuntukkan sejumlah RM1.2 juta bagi melaksanakan 12 projek penyelenggaraan di skim perumahan Padang Tembak tahun ini (2018), kata Jagdeep Singh Deo.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan tersebut berkata, perumahan awam Padang Tembak merupakan skim yang menerima bahagian peruntukan penyelenggaraan paling banyak sejak tahun 2010 iaitu berjumlah RM29,684,044.55, melebihi 25 peratus daripada nilai keseluruhan.

"Sejak tahun 2010, sejumlah RM29 juta telah dibelanjakan Kerajaan Negeri untuk mengekalkan 3,660 unit yang terdiri daripada sembilan blok.

"Antara yang telah dilaksanakan termasuk kerja-kerja sivil, elektrik dan mekanikal seperti penggantian lif, paip pembentungan serta lain-lain yang berkaitan.

"Justeru, untuk tahun 2018, kita (Kerajaan Negeri) telah merancang 12 projek penyelenggaraan untuk skim perumahan ini iaitu penukaran lif, menaik taraf kerja depoh sampah, pendawaian elektrik, bumbung, pembaikpulihan pam air dan penjana dengan nilai keseluruhan RM1.2 juta," jelasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari dan Ketua Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Perumahan, Akhmal Abu Basar.

Menurut Jagdeep, daripada sembilan blok tersebut, tujuh blok telah dijual secara sewa beli kepada pemilik masing-masing sejak projek tersebut diwujudkan pada tahun 1969.

"Hanya baki dua blok iaitu Blok E dan Blok J sahaja masih di bawah Skim Sewa Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih bertanggungjawab mengekal dan menyelenggara semua (sembilan) blok ini," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu bahawa daripada 50 skim perumahan awam di lima daerah di Pulau Pinang, sebanyak RM117,396,105.03 telah dibelanjakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan sejak tahun 2010.

"Ia adalah komitmen kami (Kerajaan Negeri) untuk memastikan semua perumahan awam di negeri ini terus dikekal serta diselenggara dengan baik," ujarnya.

# Pulau Pinang tempat berhimpunnya bakat, penuhi impian semua




KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, wakil-wakil penganjur dan para peserta bergambar kenangan pada Kejohanan Taekwon-Do ITF (Senior) Peringkat Kebangsaan 2017 di sini baru-baru ini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NUR AFIQAH ZAINUDI**

**BAGAN DALAM** - Kejohanan Taekwon-Do ITF (Senior) Peringkat Kebangsaan 2017 yang berlangsung di Pulau Pinang baru-baru ini menghimpunkan seramai 250 peserta dari semua negeri demi memburu kejuaraan.

Pada majlis perasmian, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pihaknya berharap kejohanan tersebut dapat menyemarak semangat kesukanan dalam kalangan semua yang terbabit.

"Di gelanggang, semua mesti 'lawan tetap lawan', tapi 'masih kawan' selepas berlawan di gelanggang, semua mesti boleh berkawan, ajak keluar makan kerana makanan di Pulau Pinang antara paling sedap di dunia.

"Pulau Pinang sebenarnya adalah tempat berhimpunnya bakat-bakat, seperti 250 peserta yang berhimpun untuk memburu kejuaraan, kerana Pulau Pinang boleh memenuhi impian anda," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan di Dewan Sree Mariamman dekat Butterworth di sini 30 Disember lalu.

Demi menghargai bakat-bakat dalam acara sukan mempertahan diri tersebut, menurut Guan Eng, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang turut menyumbang RM10,000 demi menjayakan kejohanan kali ini.

Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong antara pemimpin Kerajaan Negeri yang menyertai acara perasmian pembukaan kejohanan tersebut, yang berlangsung selama tiga hari sejak 29 Disember lalu.

Sebelum itu, wakil penganjur memberitahu bahawa kejohanan pada kali ini adalah bersejarah kerana Pulau Pinang merupakan tuan rumah kejohanan kali pertama peringkat kebangsaan pada tahun 2001 sebelum ini.






# Bukit Bendera kembali beroperasi, KM rakam penghargaan kepada pihak berwajib

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN -** Pusat peranginan bukit terkemuka di Asia, Bukit Bendera kini kembali dibuka kepada umum.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengumumkan sedemikian setelah ia ditutup selama dua bulan rentetan bencana ribut serta banjir terburuk awal November lalu.

"Saya berasa bangga kerana *Penang Hill Corporation* (Perbadanan Bukit Bendera, PHC) telah dapat pulihkan semula perkhidmatan (furnikular) dan urus semula pengoperasian di Bukit Bendera.

"Syabas kepada pasukan PHC yang berusaha gigih melampaui jangkaan dalam memastikan Bukit Bendera dipulihkan semula dalam waktu yang singkat.

"(Dan) semestinya kejayaan PHC tidak dilakukan secara bersendirian tanpa bantuan pelbagai agensi seperti JKR (Jabatan Kerja Raya), MBPP (Majlis Bandaraya Pulau Pinang), PBA (Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang), TNB (Tenaga Nasional Berhad), Telekom Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, penduduk dan peniaga di Bukit Bendera serta para sukarelawan...terima kasih atas sumbangan anda," ucapnya pada majlis pengoperasian semula perkhidmatan furnikular di sini 30 Disember lalu.

Hadir sama, Pengurus Besar PHC, Cheok Lay Leng; Datuk Bandar MBPP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif; jawatankuasa PHC dan *The Habitat Penang Hill*.

Dalam pada itu, Guan Eng turut memaklumkan bahawa kawasan tumpuan pelancong di Bukit Bendera telah pulih sepenuhnya.

"Walau bagaimanapun, ada kawasan tertentu seperti kediaman persendirian dan laluan mendaki yang masih tutup dan belum pulih sepenuhnya...tetapi kawasan pelancong 100 peratus siap...itu jaminan kerana Kerajaan Negeri telah menetapkan syarat agar kawasan pelancong disiapkan dahulu.

"(Dan) pastinya dalam tempoh dua bulan penutupan Bukit Bendera, pihak pengurusan kurang menerima pendapatan sehingga anggaran RM5 juta.



**KEMBALI beroperasi.**

"Meskipun ada pihak yang menjangkakan Bukit Bendera hanya akan dibuka dalam tempoh 12 hingga 18 bulan, tetapi kerana kepakaran dan bantuan jurutera yang hebat, ia (Bukit Bendera) dapat dipulihkan semula.

"Jadi saya harap dengan pembukaan semula ini, pihak-pihak tertentu dapatlah hentikan khabar angin...Bukit Bendera telah dibuka dan beroperasi seperti biasa...datanglah untuk beriadah seperti biasa," katanya yang turut berbangga apabila *The Guardian UK* turut menyenaraikan Bukit Bendera sebagai destinasi pelancongan berprestij di Asia.

Sebagai rekod, pengoperasian Bukit Bendera termasuk perkhidmatan furnikular, laluan pendakian dan laluan pacuan empat roda di Taman Botani terpaksa dihentikan selepas terjadinya 194 kejadian tanah runtuh berikutan bencana ribut dan banjir paling buruk dalam sejarah pada 4 dan 5 November lalu.


**PELANTAR pemerhati yang menjadi tumpuan pengunjung.**


**TREK kereta api furnikular yang telah selamat digunakan.**


**IKLAN JAWATAN KOSONG**
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk memohon bagi mengisi kekosongan jawatan di Majlis Perbandaran Seberang Perai seperti berikut :

| BIL | JAWATAN | GRED | TARAF | KEKOSONGAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Pegawai Undang-Undang | L48 | Tetap/Kontrak | 1 |
| 2. | Pegawai Tadbir | N41 | Tetap/Kontrak | 4 |
| 3. | Jurutera (Awam) | J41 | Tetap | 2 |
| 4. | Pegawai Perancang Bandar dan Desa | J41 | Tetap | 1 |
| 5. | Setiausaha Pejabat | N29 | Tetap | 1 |
| 6. | Pembantu Tadbir (Perkeranian & Operasi) | N19 | Tetap/Kontrak | 11 |
| 7. | Pembantu Awam (Penyelamat) | H11 | Tetap/Kontrak | 5 |

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

Iklan ini juga disiarkan di dalam akhbar Sinar Harian, The Star, Kwong Wah Yit Poh dan Malaysian Nanban pada **05 Januari 2018.** Tarikh tutup iklan pada **19 JANUARI 2018**

**SYARAT LANTIKAN**

Syarat lantikan secara terperinci berserta dengan maklumat lanjut berkenaan dengan jawatan-jawatan yang diiklankan boleh diperolehi dengan melayari laman web e-jawatan Majlis Perbandaran Seberang Perai di **www.mpsp.gov.my**.

**CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah dibuat dengan melayari sistem e-jawatan Majlis Perbandaran Seberang Perai dan membuat permohonan secara atas talian (*online*) sahaja dengan mengisi maklumat yang diperlukan di **www.mpsp.gov.my**.

**CATATAN AM**

(a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.

(b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

(c) Pemohon-pemohon yang telah mendaftar di laman e-jawatan MPSP hendaklah mengemaskini semua maklumat permohonan sebelum memohon jawatan yang diiklankan.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi Bahagian Perjawatan di talian 04-5497 732/ 04-5497 431/ 04-5497 430 atau email ke perjawatan@mpsp.gov.my.

# Lebar jalan baru berimpak tinggi demi selesa penduduk Taman Riang, Jalan Mohd. Saad



**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, wakil-wakil jabatan berkaitan serta komuniti setempat pada Majlis Pelebaran Jalan Mohd. Saad di sini baru-baru ini.**

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**BAGAN JERMAL -** Pelebaran jalan baharu sepanjang 350 meter (m) dekat Jalan Mohd. Saad dengan kos RM344,060 termasuk kenaan 6 peratus Cukai Barangan & Perkhidmatan (GST) bakal menyuraikan 5 peratus aliran trafik di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika merasmikan pembukaan jalan baru itu berkata, projek tersebut sekaligus memberi impak sosial yang tinggi kepada penduduk setempat, khususnya sekitar Taman Riang dan rumah pangsa sekitar Jalan Mohd. Saad.

"Daripada segi trafik lebih lancar berbanding dulu, jalan ini sempit dan boleh dianggap jalan mati.

"Ini contoh projek berimpak tinggi untuk rakyat, mencapai 5 peratus (mengurangkan kesesakan aliran trafik sekitar kawasan ini)," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan sambil menegaskan bahawa kenaan GST begitu membebankan Kerajaan Negeri dan rakyat pada majlis berkaitan 26 Disember lalu.

Turut berucap, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal dan Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap ADUN Sungai Puyu, Phee Boon Poh dan ADUN Bagan Dalam, A. Tanasekharan.




**KEADAAN jalan yang dilebarkan bagi kemudahan komuniti setempat.**



# Dunia baharu untuk yang berani

Oleh : **ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Ahli Parlimen Bukit Bendera Merangkap Felo Penang Institute**

Serambi PENANG INSTITUTE making ideas work

**TEKNOLOGI** adalah faktor yang paling berpengaruh dalam menentukan bagaimana kita hidup, bekerja dan berkomunikasi. Hal ini lebih ketara dalam tempoh 300 tahun yang lalu, sejak kejayaan teknologi seperti kereta api dan telegraf elektrik menghasilkan perubahan yang dramatik dan berlanjutan tentang bagaimana kita berinteraksi dengan dunia.

Hari ini, dengan adanya komputer dan internet, serta pertemuan kedua-duanya dalam bentuk telefon pintar, setidaknya kita boleh mengatakan bahawa kita sedang menyaksikan revolusi yang tidak pernah berlaku sebelum ini dari segi skala, skop dan kerumitan.

"Pembekuan tersebut adalah melibatkan semua jenis mesin simulator kecuali *claw toys* atau mainan menggunakan mesin pencengkam.

"Manakala, kategori hotel yang dibenarkan untuk menjalankan aktiviti mesin simulator diperincikan untuk hotel yang bertaraf sekurang-kurangnya 3 bintang sahaja," ujarnya sambil menambah bahawa hotel 2 bintang dan ke bawah serta motel di premis rumah kedai adalah tidak dibenarkan.

Walau bagaimanapun, tambah Kon Yeow, pihak Kerajaan Negeri akan mengkaji semula dasar tersebut pada akhir tahun 2018.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan melakukan kajian semula terhadap dasar ini yang mana mungkin akan meneruskan pembekuan dan pengharaman ataupun (mungkin akan) membenarkan operasi luar daripada tiga kawasan ditetapkan kemudian," jelasnya.

## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 10307
Peminjam : ZEE KUM WING - 84052307****
BLOK 5-13-12, LINTANG MACALLUM 2, 10300 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : LIM SIN KHEANG - 62091302****
NO. 30 JALAN SS 17/3B, 47500 SUBANG JAYA, SELANGOR
Penjamin 2 : LIM GUAT EAN - 56100907****
350-5-1 FLAT LEBUH MACALLUM 10300 PULAU PINANG

No Akaun : 10319
Peminjam : B RAJINISRI A/P BAYER KANU - 83122807****
NO. 85, JALAN KERONGSANG 6, BANDAR PUTERI 41200 KLANG, SELANGOR
Penjamin 1 : SUBRAMANIAM A/L VISWANATHAN - 65021502****
24 LORONG TASEK MUTIARA 14SS2, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 2 : VASUDEVAN A/L VISWANATHAN - 69022802****
9 LORONG SEJAHTERA 17, TAMAN SEJAHTERA, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10321
Peminjam : LIM BOON PING - 84022307****
1866 JALAN BESAR, TAMAN MARKISAH 14100 SIMPANG EMPAT, SPS
Penjamin 1 : CHEAH EE KOOI - 49060607****
NO. 4530 MK 9, TANAH LIAT 14000 BUKIT MERTAJAM, SPT
Penjamin 2 : SOH SOK BOEY - 72032907****
NO. 4530 MK 9, TANAH LIAT 14000 BUKIT MERTAJAM, SPT

No Akaun : 10327
Peminjam : MOHD NASEER BIN ABU BAKAR - 82041807****
6-G-8 PANGSAPURI IDAMAN 13700 PERAI
Penjamin 1 : ABU BAKAR BIN MUHAMAD - (MENINGGAL DUNIA)
NO. 2252 TAMAN MELATI, 09400 PADANG SERAI , KEDAH
Penjamin 2 : SAIFUL IMRAN BIN MOHAMED YUSOF - 76060508****
113-02-06 VISTARIA CONDOMINIUM, JALAN KENARI, DESARIA, SG. ARA 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 10334
Peminjam : YEOH WEI MEI - 84020707****
BLOK D-8-17, RUMAH PANGSA PADANG TEMBAK 11400 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 1 : KOAY PHAIK SIEW - 56100707****
4D-05-19 LORONG SEMARAK API 1, 11500 PULAU PINANG
Penjamin 2 : GOWRI A/P RAMASAMY - 73050107****
BLOK H-4-3 TAMAN DESA RELAU , LEBUH RELAU 2, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 10337
Peminjam : HENG KAI PERNG - 82121007****
20 LORONG GEMILANG RIA 2, TAMAN GEMILANG 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : TUNG POAY CHOO - 58090307****
73 C23-2 CENTRAL PARK, LEBUHRAYA JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : KOH SWEE KAM - 63122907****
14 LORONG KERJASAMA 3, TAMAN KERJASAMA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10346
Peminjam : MASITAH BINTI AHMAD - 86082635****
NO. 70 LORONG CASSIA TENGAH 12, BANDAR CASSIA 14100 BATU KAWAN, SPS
Penjamin 1 : ABDUL RAHIM BIN ABDULLAH - 58050207****
1283 KEPALA BUKIT, BUKIT TAMBUN 14100 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 2 : NORRASHIDI BIN MOHD NOOR - 66041107****
NO. 34 JALAN TAMBUN, TAMAN BUKIT TAMBUN 14110 SIMPANG AMPAT, SPS

No Akaun : 10359
Peminjam : MOHD ALLIF BIN MD SALLEH - 87070535****
NO. 11 LORONG KESUMBA 4, TAMAN KESUMBA, SUNGAI BAKAP 14200 SUNGAI JAWI, SPS
Penjamin 1 : ROHANI BINTI AHMAD - 61112807****
NO. 32 LORONG KESUMBA 1 , TAMAN KESUMBA, SUNGAI BAKAP 14200 SUNGAI JAWI, SPS
Penjamin 2 : MASITA BINTI REJAB - 59090907****
320 KAMPUNG LIMA KONGSI, SUNGAI BAKAP 14200 SUNGAI JAWI, SPS

No Akaun : 10362
Peminjam : THIAGU A/L GANDIVAN - 81122307****
NO. 30 JALAN KP 2/4, KOTA PERDANA, BANDAR PUTRA PERMAI 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR
Penjamin 1 : VELOO A/L THANNIMALAI - 65030302****
NO.6006 JALAN DUA 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : CHITRABALAN A/L MUNIANDY - 67090807****
NO. 1748 JALAN SEKOLAH 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA

No Akaun : 10363
Peminjam : INTAN NUR FARRAH BINTI RAHMAT - 87103035****
MBT 437 KR LOT 6052A, PARIT PENYENGAT, PARIT JAWA 84150 MUAR, JOHOR
Penjamin 1 : RAHMAT BIN M SALLEH - 56062001****
MBP 437 KR LOT 6052/A, PT PENYENGAT, JALAN BATU PAHAT 84150 MUAR, JOHOR
Penjamin 2 : GANASAN A/L RETHNAM - 55120208****
NO. 9 LORONG SUTERA 8, TAMAN SUTERA 13700 SEBERANG JAYA

No Akaun : 10365
Peminjam : WILLIAM A/L DEVASAGAYAM - 81012107****
NO. 10 JALAN PAHLAWAN, TAMAN LAGENDA INDAH 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 1 : DEVASAGAYAM A/L SOOSAY - 54071107****
NO.1918 MK 15 LADANG ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : PUVANDERAN A/L GOPAL KRISHNAN - 82091907****
23 TINGKAT KANCIL 1, TAMAN HWA SENG, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10373
Peminjam : YEOH KAH PIN - 83060407****
1-11-04 LEBUH SUNGAI PINANG 7, DESA PINANG 2, JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : YEOH KOK HIN - 55052507****
1-A6-1 TAMAN KILANGIN, JALAN SUNGAI, 10150 PULAU PINANG
Penjamin 2 : SARAVANAN A/L PARASU RAMAN CHETTY - 69040907****
8B-3-2 GAT LEBUH MACALLUM, KOMPLEKS PULAU MUTIARA 10300 PULAU PINANG

No Akaun : 10377
Peminjam : KARTINI BINTI MINSTER - 83053007****
PT 14562 JALAN MELOR, KG BARU, KERTEH 24300 KEMAMAN, TERENGGANU
Penjamin 1 : LATIFAH BINTI ABDUL RAHMAN - 67092902****
D-2-2 BLOK D, KUARTERS PENDIDIKAN SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : FARIDAH BINTI MOHD YUSOFF - 59112808****
UNIT 6 BERHAMPIRAN 360-B, BLOK D MK 12, SUNGAI ARA 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 10382
Peminjam : SYED MOHD AZRIE IZANIE B SYED SHAARI - 84121708****
A-3-13 PANGSAPURI ANGKASA INDAH, TAMAN ANGKASA INDAH 43000 KAJANG, SELANGOR
Penjamin 1 : MOHAMAD RODZI BIN IDRIS - 64062507****
BLOK AY-4-6 TAMAN TUN SARDON II, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 2 : SARIPAH BINTI MAT - 60102108****
NO. 75 JALAN ORKID PERMAI, TAMAN ORKID PERMAI 13200 KEPALA BATAS, SPU

# Daya tahan, komitmen tinggi rahsia Pulau Pinang hadapi cabaran getir, pikat pelabur asing - KM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** - Daya tahan dan komitmen tinggi yang ditonjolkan semua pihak merupakan rahsia Pulau Pinang menghadapi saat-saat paling getir dalam sejarah negeri terutamanya dalam memastikan para pelabur asing terus berada di sini.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, meskipun pada 4 dan 5 November lalu, Pulau Pinang dilanda bencana paling buruk dalam sejarah negeri, namun, Pulau Pinang mampu bangkit semula.

“Tentunya cabaran paling getir dihadapi kita semua tahun ini adalah kejadian banjir besar dan ribut pada 4 dan 5 November lalu...dan Kerajaan Negeri juga perlu menghadapi perbelanjaan luar jangka bagi membolehkan kita (Kerajaan Negeri) membuat pembayaran paling tinggi dalam sejarah negara sebanyak RM700 (secara *one-off*) kepada mangsa-mangsa bencana baru-baru ini.

“Meskipun berlakunya bencana alam paling teruk dalam sejarah negeri, Pulau Pinang masih mampu bangkit semula serta pulih seperti sedia kala dalam tempoh yang singkat, dan situasi ini menambahkan keyakinan para pelabur asing.

“Hasilnya, pada tahun 2017, kita semua dapat menyaksikan pertumbuhan positif dan pembangunan infrastruktur, tahniah kepada PDC (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang) dan Invest-in-Penang (Berhad) atas komitmen serta kejayaan memikat para pelabur asing untuk terus melabur di Pulau Pinang,” ucapnya pada Majlis Sambutan Hari Krismas dan Tahun Baru di Pejabat PDC di sini 21 Disember lalu.

Turut sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar dan Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Tony Pua Kiam Wee.

Guan Eng yang juga Pengerusi PDC berkata, Pulau Pinang pada tahun ini berjaya berada di tangga kedua dalam menarik pelaburan bagi sektor pembuatan.

**“Sebanyak RM9.9 bilion pelaburan dicatatkan antara tempoh Januari hingga September 2017, berbanding RM4.3 bilion yang dicatatkan sepanjang tahun 2016 secara keseluruhan. Angka tersebut menunjukkan peningkatan 130 peratus, iaitu kedua tertinggi (nilai pelaburan sektor pembuatan) di seluruh negara.**

**“Daripada RM9.9 bilion itu, RM8 bilion adalah pelaburan asing, manakala pelaburan tempatan (RM1.9 bilion), oleh itu, kini tidak akan ada lagi mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab mendakwa terdapat pelabur yang lari atau kilang tutup di Pulau Pinang**.

“Bukan itu sahaja, saya berbangga kerana Pulau Pinang memiliki syarikat yang merupakan pengeksport terbesar di Malaysia iaitu *Western Digital* yang menyumbang RM20 bilion eksport pada tahun 2017 atau 2.3 peratus daripada jumlah eksport Malaysia.

“(Dan) *Broadcom* pula menyumbang RM70 bilion menjelang 2018 nanti atau 8 peratus daripada jumlah eksport negara, menjadikan kedua-duanya menyumbang 10.3 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport dalam negara,” katanya yang turut memuji agensi berwajib dalam mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan pilihan sekaligus menyaksikan trajektori pertumbuhan ekonomi yang positif.

Dalam perkembangan sama, Guan Eng turut berkongsi beberapa projek pembangunan transformatif utama yang direalisasikan di Pulau Pinang melalui pelbagai inisiatif sama ada melalui agensi Kerajaan Negeri mahupun pihak swasta.

Malah, beliau turut memastikan pembekalan rumah mampu milik (RMM) kepada rakyat Pulau Pinang menjadi agenda utama Kerajaan Negeri dan PDC.

Dalam perkembangan berasingan, Guan Eng turut menyalurkan sumbangan RM1,000 masing-masing kepada *Glory Everise Home* dan *Crystal Family Home* sempena sambutan Hari Krismas.






# Penduduk terlibat banjir dirai, terima sumbangan khas

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PENANTI –** Kemampuan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) menguruskan situasi pasca banjir ekoran bencana terburuk dalam sejarah negeri membuktikan bahawa pentadbiran ini mampu mentadbir Pulau Pinang dengan baik, ujar Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

"Kerajaan Negeri melalui program 'Pulau Pinang Bangkit', kita bagi RM700 secara *one-off* kepada setiap ketua keluarga dan untuk Permatang Pauh, ianya membabitkan 6,000 penerima, malah bagi seluruh negeri adalah melibatkan hampir 50,000 penerima.

"Ini merupakan sumbangan terbesar dalam negara, tidak ada sejarah mana-mana Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Pusat yang bagi bantuan besar macam ini (RM700).

"Saya tanya rakan-rakan di Kelantan dan Johor yang terkesan banjir sebelum ini, mereka cuma dapat RM500 sahaja daripada Kerajaan Pusat," ucapnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya pada Majlis Sumbangan Khas Asnaf Banjir Parlimen Permatang Pauh di sini 27 Disember lalu.

Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar turut hadir menyantuni para penerima.

Pada majlis tersebut, penduduk yang terlibat banjir diraikan serta turut menerima sumbangan khas daripada Kerajaan Negeri Selangor sebanyak RM430,000.

Bagi Pengerusi Surau Bukit Indera Muda, **MOHD. RADZI MOHD. NOOR**, 63, sumbangan yang diterima bagi membaik pulih surau kawasannya adalah amat bermakna.

"Kita bersyukur kerana Kerajaan Negeri pun dah bagi hari tu, kali ini Kerajaan Negeri Selangor turut beri sumbangan. Dengan sumbangan-sumbangan ini, kita boleh fikirkan mengenai (usaha) naik taraf surau untuk keselesaan para jemaah," katanya kepada Buletin Mutiara



**DR. Afif Bahardin (berbaju Melayu putih) dan Nurul Izzah Anwar (kiri sekali) beramah-mesra dengan sebahagian penduduk yang hadir pada Majlis Sumbangan Khas Asnaf Banjir Parlimen Permatang Pauh di sini baru-baru ini.**

pada majlis berkaitan.

"Syukurlah dua-dua Kerajaan Negeri (Selangor dan Pulau Pinang) bantu kita di sini, walaupun tidak mungkin dapat ganti barangan yang rosak, tetapi mereka prihatin akan nasib kita.

"Baru-baru ini, banyaklah perabot mak cik yang rosak, tenggelam sampai paras lutut, kalau di luar tu sampai paras pinggang," ujar **SITI BERTIMO IBRAHIM**, 60, yang menetap di Kampung Tanjung Putus di sini.




No.6095, Jalan Bagan Lallang, Mukim 14, 13400 Butterworth, Pulau Pinang
Emai: taahousing@gmail.com
f : TAA Housing Development sdn Bhd

No Lesen Pemaju: 14136-1/10-2018/02398(L)
No Permit Iklan dan Jualan : 14136-1/10-2018/02398(P)
Pihak Berkuasa Tempatan : Majlis Perbandaran Seberang Perai Utara
Tempoh sah: 14/10/2017 - 13/10/2018
Pegangan Tanah : Hak milik kekal
Semi-D: Unit 40 Min (RM584,000) Maks (RM814,000) Banglo : Unit 3 Min ( RM 987,000) Maks (RM 1,310,000)
No Rujukan Pelan Bangunan : MPSP/40/20-06/97
No Rujukan Pelan Susun Atur : MPSP/70/39-6/82
Tarikh Dijangka Siap : September 2017
Bebanan Tanah : AmBank (M) Berhad

*(Sambungan dari muka 1).*



**OMAR Jefri (kanan sekali) meramahi salah seorang pelanggannya.**

Penjual sayur, **CHE MEERAH SAYAD**, 66, memberitahu, Kerajaan Negeri kini adalah bagus.

“Saya warga emas, setiap tahun saya dapat RM100.. semua bagus di Pulau Pinang. Pulau Pinang No. 1.

“Saya sayang Pulau Pinang, malah, dua anak saya selepas berkahwin, berpindah keluar, tapi masih di Pulau Pinang.

“Di Pulau Pinang, RM3, sudah cukup untuk makan nasi berlauk telur dan air sirap... ini tidak boleh dapat di mana-mana, KL (Kuala Lumpur), Johor... tiada," ujarnya dengan penuh semangat sambil tidak menafikan bahawa harga semua barangan naik kini.

Mengulas mengenai infrastruktur Pasar Chowrasta selepas usaha Kerajaan Negeri Pakatan Harapan menaik taraf bangunan yang dipercayai telah wujud sejak 1890 berkaitan, Che Meerah atau lebih dikenali dengan panggilan glamor, Sakinah menyatakan bahawa beliau amat bersyukur dengan inisiatif dalam memartabatkan lagi ikon negeri Pulau Pinang berkenaan.

“50 tahun dahulu, arwah mak berniaga di luar...arwah tak sempat rasa...kini, semua okay, hujan, panas, angin... semua *no problem*," jelasnya disusuli gelak ketawa.

Bagi usahawan muda yang baru mengambil alih perniagaan buku terpakai daripada arwah ayahnya, **SABRI SABRAN**, 22, beliau amat berpuas hati dengan kemudahan terutamanya ruang parkir Pasar Chowrasta kini.

“Dulu, selalu kena saman sebab kawasan parkir amat terhad.

“Selepas dinaik taraf, *better* malah *environment*... kipas, ada lampu terang dan bersih. Malah, harga sewa kedai juga amat berpatutan," katanya.

Walaupun terikat dengan pengajian, menurut Sabri yang merupakan penuntut tahun dua sebuah kolej swasta di sini dalam bidang kejuruteraan mekanikal, beliau akan meneruskan perniagaan arwah ayahnya.

“Saya akan teruskan legasi ayah sejak 36 tahun ini... kenapa tidak, ayah menyara kami sekeluarga melalui perniagaan ini dan adalah amat sayang untuk berhenti separuh jalan.

“Saya akan teruskan. Pada masa sama, saya juga akan mempratikkan apa yang saya belajar, dua dalam satu!" ujarnya dengan menyatakan bahawa beliau kini turut mempromosikan pembelian buku terpakai secara dalam talian.

Dalam pada itu, bagi pengunjung dari Kajang, Selangor yang hanya ingin dikenali sebagai **MARY**, 50-an, Pulau Pinang sentiasa menjadi destinasi pilihannya untuk menghabiskan cuti akhir tahun beliau.

“Setiap tahun saya akan datang ke Pulau Pinang untuk makanan dan berseronok. Sudah lebih 10 tahun, saya tidak pernah ketinggalan untuk membuat kunjungan ke negeri ini saban tahun.

“Apabila saya ke sini, Pasar Chowrasta menjadi kemestian. Sangat cantik, unik... makanan, jeruk, baju... semuanya di sini," jelasnya tersenyum manis.



**REKA bentuk unik di pintu masuk.**



**SABRI Sabran menyusun buku-buku terpakai di kedainya.**



**CHE Meerah Sayad.**



**CHENG Soon Heng.**

# Usaha pulihara alam sekitar secara berterusan ke arah Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD & PPSN**




**KAKITANGAN Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan para penduduk Kampung Nelayan merakamkan gambar kenangan pada Program Bersih Pantai 2017 di sini baru-baru ini.**

**HAMPIR** 100 sukarelawan, kebanyakannya terdiri daripada kalangan kakitangan Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan para penduduk yang tinggal di kawasan Kuala Sungai Teluk Kumbar bergotong-royong membersihkan kawasan persisiran pantai berhampiran baru-baru ini.

Program tersebut digerakkan bagi memupuk kesedaran orang ramai terhadap usaha memelihara serta memulihara alam sekitar dan pada masa sama menjaga kebersihan pantai.

Timbalan Pengarah Projek SRS Consortium, Azmi Mohd. berkata, program seumpamanya harus dijalankan secara berterusan dan bukannya *one-off* sahaja kerana amalan penjagaan kebersihan adalah tanggungjawab bersama.

"Harapan kita, pelaksanaan program-program sebegini akan menjadi galakan secara berterusan untuk mengutamakan kebersihan kawasan persekitaran termasuklah (kebersihan) pantai.

"Walaupun umumnya Kerajaan Negeri menyediakan kontraktor bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan, kesedaran dan sikap peka masyarakat ditagih agar tidak sewenang-wenangnya membuang sampah dan bahan terbuang ke dalam aliran sungai dan laut," ujarnya ketika ditemui pada penganjuran program berkaitan 9 Disember lalu.

Hadir sama, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), Dr. Mohamad Farazi Johari dan Ketua Jurutera bagi Special Purpose Vehicle (SPV) Kerajaan Negeri, Dato' Ir. Ang Aing Thye.

Program gotong-royong di bawah tanggungjawab sosial korporat (CSR) tersebut adalah hasil kelolaan Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dengan kerjasama Rakan Pelaksana Projek Tambakan Laut Selatan Pulau Pinang (PSR), SRS Consortium.

Ulas Azmi, seiring dengan slogan Kerajaan Negeri ke arah Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat, pihaknya (SRS Consortium) turut menitikberatkan pemeliharaan pantai supaya ia dapat dinikmati bukan sahaja oleh penduduk tempatan, malah pengunjung pantai.

Menurutnya, terdahulu pihak SRS Consortium melalui Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN) yang ditubuhkan turut melaksanakan program penanaman anak pokok bakau bagi memulihkan eko-sistem di kawasan persisiran pantai.

"Bagi inisiatif ini, para sukarelawan dari SRS dan PPSN dengan kerjasama Persatuan Kebajikan Nelayan-nelayan Pantai Pulau Pinang (PIFWA), Kerajaan Negeri dan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Nibong telah menanam 500 anak pokok bakau di Sungai Acheh, Nibong tebal September lalu.

"Malah, tahun 2018, kita akan bekerjasama sekali lagi dengan PIFWA untuk menanam anak-anak pokok bakau di kawasan yang telah dikenal pasti iaitu Pulau Betong," ujar Azmi.



**RUANG dapur rumah Che Murni Che Lah yang sedang dinaik taraf.**

## HULURKAN BANTUAN, RINGANKAN BEBAN

Ironinya, PPSN bukan sahaja berperanan sebagai pusat informasi sehenti untuk nelayan dan penduduk tempatan mendapatkan maklumat berhubung PSR, malah turut menubuhkan satu tabung khas bencana bagi menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir luar biasa yang melanda Pulau Pinang pada 4 November lalu.

Antara yang menerima manfaat daripada tabung bencana tersebut ialah **CHE MURNI CHE LAH**, 46, seorang penjaja hasil laut di Sungai Batu, Teluk Kumbar.

Bersimpati dengan keadaan



**CHE Murni Che Lah.**

rumah Che Murni yang uzur dan terjejas akibat banjir tersebut, PPSN dengan kerjasama Kerajaan Negeri tampil menghulurkan bantuan bagi meringankan beban keluarga tersebut.

Ketika dihampiri Buletin Mutiara, Che Murni yang berperwatakan peramah tidak kekok berbicara, beliau yang ternyata berbesar hati dengan pertolongan tersebut berkata 'kecil tapak tangan, nyiru dia tadahkan'.

Memulakan bicara, Che Murni memberitahu bahawa ketika hari kejadian, rumahnya dinaiki air hingga paras buku lali ekoran kawasan tersebut terletak bersebelahan longkang yang menyambung terus ke muara laut.

"Kebanyakan barang, tikar getah, dinding kesemuanya rosak, nak baiki pun, memerlukan duit juga.. tapi syukurlah, pihak PPSN datang bantu pulihkan keadaan dan bina ruang dapur yang baru.

"Jika dulu, bila hujan lebat air naik, makcik asyik 'bergaduh' dengan ular dan biawak yang masuk ikut celah-celah rumah yang bocor, tapi sekarang alhamdulillah lebih selesa," ujarnya yang telah menetap di sini hampir 18 tahun bersama-sama sembilan ahli keluarga lain.

Ditanya berhubung PPSN, Che Murni berpendapat bahawa pusat berkenaan memberikan bantuan dengan seikhlas hati tanpa mengharapkan apa-apa balasan.

"PPSN ni bukan kata 'kami tolong hang, hang tolong kami', tapi tolong dengan seikhlas hati untuk bantu orang yang betul-betul susah.

"Kalau tak, nasib makcik masih di taraf yang sama tak macam sekarang rumah lebih selesa," kongsi beliau.

Difahamkan, jika kesihatan mengizinkan Che Murni akan membantu suaminya, seorang nelayan untuk menjual hasil tangkapan laut dari satu kawasan ke kawasan lain menggunakan motosikal.

Bantuan sama, turut diterima **AHMAD IDRUS**, 68, iaitu seorang penganggur yang tinggal bersendirian di Kampung Masjid, Teluk Kumbar.

Rumahnya yang rosak akibat ribut pada Ogos lepas turut meraih simpati pihak PPSN dan Kerajaan Negeri.

"Amat sukar untuk saya memasuki dan meninggalkan rumah akibat pintu rumah yang rosak, nak baiki saya tidak mempunyai wang," ujarnya ringkas sambil menyatakan bahawa beliau bergantung kepada bantuan kewangan RM300 yang diterima setiap bulan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan hanya cukup untuk makan dan membeli ubat asas.

Selain orang-perseorangan, antara yang terkesan disebabkan kejadian banjir buruk tersebut ialah Pusat Jagaan Orang-orang Tua Rumah Charis di Relau.

Menurut Pengurus Operasinya, **JANETTE TEOH**, tahun ini pusat tersebut telah dinaiki air sebanyak lima kali, dan banjir yang berlaku pada 4 November



**AZMI Mohd. (duduk, dua dari kanan) bersama-sama sebahagian sukarelawan SRS Consortium dan PPSN menanam anak pokok bakau sebagai simbolik Majlis Penanaman Anak Pokok Bakau di Nibong Tebal pada September 2016.**

lalu adalah yang paling dahsyat hingga ketinggian air mencecah tiga kaki.

Mengulas lanjut, tambah beliau, semua warga emas di pusat jagaan tersebut terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan sementara di Pulau Betong.

"Apa yang lebih penting adalah nyawa, walaupun hampir semua barangan elektronik dan elektrikal di sini rosak sama sekali.

"Anggaran kerugian sukar ditentukan kerana selain barangan elektrikal, segala bentuk bantuan seperti makanan dan ubat-ubatan turut rosak," ujarnya kepada wakil Buletin Mutiara.

Menyedari kepayahan meneruskan operasi tanpa alatan elektronik dan elektrikal, PPSN telah menghantar wakilnya untuk bertanyakan keperluan pusat jagaan tersebut.

Memuji inisiatif yang diambil, Janette berkata, sumbangan yang dihulurkan benar-benar membantu pihaknya meneruskan operasi seperti biasa.

"PPSN benar-benar membantu, mereka hantarkan wakil dan buat semakan tentang barang-barang keperluan.

"Beberapa hari kemudian, mereka datang ke sini berikan bantuan berbentuk utiliti dapur seperti oven, gelombang mikro, periuk nasi, mesin basuh dan lain-lain," jelas beliau.




**MENYAMPAIKAN sumbangan barangan keperluan dapur kepada Janette Teoh (empat dari kiri) di Pusat Jagaan Orang-orang Tua Rumah Charis.**



**AHMAD Idrus (dua dari kiri) ketika menerima kunjungan wakil SRS Consortium dan Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz (dua dari kanan) di kediamannya.**

# Kejayaan MBPP lambang kegigihan bersama – Datuk Bandar



MAIMUNAH Mohd. Sharif (tengah), barisan kepimpinan dan Ahli-ahli Majlis MBPP menunjukkan piala-piala kemenangan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALVIE CHENG**

**PADANG KOTA -** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) berjaya meraih tempat ketiga bagi inovasi alat kapit roda 3 dalam 1 pada Pertandingan Innovation Blast 2017 yang diadakan baru-baru ini.

Datuk Bandarnya, Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata, kejayaan tersebut melambangkan usaha gigih MBPP ke arah memberikan perkhidmatan perbandaran yang berkesan dan dinamik.

Tambah beliau, alat kapit roda tersebut tidak hanya terhad penggunaannya ke atas kereta, malah juga mampu mengapit roda pelbagai kenderaan seperti lori, bas dan pacuan empat roda.

"Saya turut berbangga juga apabila MBPP dalam pertandingan sama muncul johan bagi Kategori Pengurusan melalui idea 'Smart Aduan' menggunakan kaedah kod QR atau *Quick Response Code* bagi memudahkan penyampaian data dalam waktu singkat.

"Selain itu, MBPP turut berbangga apabila menerima anugerah kategori *Special Merit for Public/Private Space* dari *Malaysian Institute of Planners* (MIP) bagi penambahbaikan di Persiaran Karpal Singh.

"Serta tempat ketiga Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan Projek Integrasi Aktiviti Pantai dan Air Menggunakan *Winch Boat* di Batu Feringghi," ujarnya pada sidang media sejurus tamat Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 12/2017 dekat Dewan Bandaraya di sini.

Dalam mesyuarat sama, Maimunah turut menyenaraikan pencapaian MBPP sepanjang suku keempat tahun ini, antaranya Anugerah *Best Broadcast Advertisement Tourism Promotion For Asia Pacific* (TPO) di Tongyeong, Korea Selatan bagi Projek '*Pedesterian Is King*'; tempat keempat Kategori International Senior 40 Open 200 Meter (12 orang) pada Kejohanan Penang International Dragon Boat Festival 2017 serta tempat kelima kejohanan sama bagi Kategori International Senior 40 Open 500 Meter (12 orang).



KAKITANGAN MBPP mendemonstrasikan inovasi alat kapit roda 3 dalam 1.

## Kurangkan penghasilan sampah, salur kepada pembangunan kemudahan awam demi rakyat

**PADANG KOTA -** Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Datuk Maimunah Mohd. Sharif menyatakan bahawa penduduk di sini perlu meningkatkan lagi kadar kitar semula dan pengasingan sisa di punca sebagai inisiatif mengurangkan penghasilan sampah.

Ini berikutan MBPP telah membelanjakan 35.03 peratus daripada kutipan cukai taksiran dalam pengurusan pungutan sampah sehingga kini.

"Cukai taksiran merupakan hasil utama Majlis iaitu sebanyak RM222.86 juta dan sumbangan terbesar pendapatan MBPP sebanyak 53.45 peratus.

"Daripada kutipan tersebut, ia digunakan untuk memberi perkhidmatan kepada orang ramai seperti pungutan sampah (35.03 peratus), lampu jalan (5.91 peratus), kawalan wabak dan vektor (0.82 peratus), menyediakan kemudahan awam seperti pasar, kompleks makanan dan tapak penjaja (1.64 peratus), rekreasi (9.74 peratus) serta infrastruktur dan lalu lintas (64.48 peratus).

"Jika kita lihat bandar raya di negara maju misalnya Kawasaki, Jepun, pengurusan sampah di bandar tersebut cuma melibatkan 4 peratus cukai taksiran, oleh itu, jika rakyat kurangkan penghasilan sampah, maka MBPP boleh salurkan kepada pembangunan serta keperluan lain," serunya pada sidang media sejurus tamat Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 12 tahun 2017 dekat Dewan Bandaraya di sini baru-baru ini.

Beliau dalam pada itu turut menyeru pemilik premis agar segera melangsaikan tunggakan cukai taksiran bagi mengelakkan tindakan tegas seperti rampasan serta tindakan mahkamah diambil.

"Sehingga Oktober 2017, tunggakan cukai taksiran yang dicatatkan adalah sebanyak RM74.27 juta.

"Bagi tahun 2018, orang ramai adalah digalakkan untuk membayar cukai bagi tempoh setahun bagi melayakkan mereka tersenarai di dalam senarai cabutan bertuah.

"Antara hadiah yang ditawarkan termasuk basikal bukit, *Ipad*, jam pintar, telefon bimbit dan lain-lain," ujar beliau.

## Kelulusan letak kerusi meja luar premis berkuat kuasa 1 Januari

**PADANG KOTA -** Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ong Ah Teong baru-baru ini memaklumkan bahawa peniaga yang mempunyai premis makanan perlu mendapatkan kelulusan permit bagi meletakkan kerusi meja di luar premis masing-masing berkuat kuasa 1 Januari 2018.

Walau bagaimanapun, menurut Ah Teong, beberapa syarat dalam Garis Panduan Permit perlu dipatuhi, antaranya jalan tersebut bukan jalan utama, bermakna hanya jalan servis dibenarkan untuk meletakkan kerusi meja.

"Selain itu, meja yang hendak diletakkan perlu berukuran 3 kaki x 2 kaki dan tidak menghalang laluan pejalan kaki.

"Laluan pejalan kaki mesti disediakan sekurang-kurangnya dua kaki lebar dan perlindungan insurans serta bayaran RM50 sebulan akan dikenakan bagi seunit meja," ujarnya pada sidang media sejurus tamat Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 12 tahun 2017 dekat Dewan Bandaraya di sini baru-baru ini.

Tambah Ah Teong, pihak MBPP akan menghantar pegawai untuk memeriksa kawasan persekitaran bagi memastikan peniaga memenuhi kriteria dan selamat untuk pengguna jalan raya lain termasuk pejalan kaki sebelum meluluskan sesuatu permohonan permit berkaitan.

# Seminit sahaja bayar cukai taksiran guna mesin kiosk

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIZ**



**ROZALI Mohamud mendemonstrasikan kaedah penggunaan mesin kiosk di sini baru-baru ini.**

**SEBERANG JAYA** - Demi memudahkan pembayaran cukai taksiran, 10 mesin kiosk disediakan di Kompleks Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di sini, selain tiga unit lain masing-masing dekat pejabat pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan di Cawangan Jalan Betek, Kampung Jawa dan Jawi.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu, inisiatif itu membolehkan pelanggan mengambil masa hanya seminit bagi setiap transaksi pembayaran berbanding kira-kira 15 minit jika berurusan di kaunter pembayaran secara konvensional.

"Bagi tempoh kemuncak pembayaran cukai taksiran iaitu antara 1 Disember 2016 hingga 28 Februari 2017, kaunter di Ibu Pejabat MPSP cawangan mencatatkan jumlah sebanyak 133,001 transaksi, dan melibatkan pembayaran cukai taksiran dengan jumlah kutipan sebanyak RM111,946,030.71.

"Dengan adanya mesin kiosk ini, MPSP dapat melencongkan pelanggan menerusi kaunter pembayaran dengan tidak perlu menunggu dalam tempoh masa lebih lama," jelasnya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh Majlis MPSP di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod, barisan Ahli Majlis serta Pengarah Pemasaran Oneapps Group Berhad, iaitu firma penyediaan mesin kiosk kepada PBT berkenaan.

Mengulas lanjut, Rozali memberitahu, MPSP tidak membeli semua unit mesin kiosk tersebut, sebaliknya hanya membayar komisen kepada Oneapps Group Berhad berdasarkan jumlah penggunaan kemudahan pintar itu sahaja.

## Promosi Cukai Pintu 2018 MPSP sedia hadiah cabutan bertuah lumayan

**SEBERANG JAYA** - Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sekali lagi melaksanakan promosi pembayaran cukai pintu bagi tahun 2018 mulai 1 Disember 2017 hingga 28 Februari ini.

Yang di-Pertuanya, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, mereka yang membayar keseluruhan cukai setahun untuk 2018 berserta tunggakan (jika ada) sebelum tarikh akhir tersebut layak untuk terpilih dalam acara cabutan bertuah dengan hadiah lumayan, kelak.

"Hadiah pertama adalah *Mountain Bike Fuji 27.5 nevada 1.1*, hadiah kedua (*Mountain Bike Fuji 27.6 nevada 1.5 D*), hadiah ketiga (*Samsung FHD Smart Curved LED TV49 inci*), ada 10 hadiah istimewa termasuk *Ipad*, serta 40 hadiah lain seperti komputer riba, telefon pintar dan aksesori rumah sebagai menghargai komitmen para pembayar cukai kita," jelasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut serta, Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmud serta barisan Ahli Majlis MPSP lain.

Rozali memberitahu, MPSP turut menyediakan cenderahati berupa barangan '*upcycle*' iaitu barang-barang manfaat yang dihasilkan daripada bahan kitar semula dan boleh guna, kepada sejumlah terhad pembayar cukai pintu terawal.

Layari sesawang rasmi MPSP, *www.mpsp.gov.my* atau hubungi talian 04-5497470/471/697/696/468/790 atau emel *waran@mpsp.gov.my* untuk pertanyaan lanjut mengenai program Promosi Cukai Pintu MPSP 2018.

## Pelan Pengurusan Bencana Seberang Perai MPSP, pastikan kesiapsiagaan hadapi bencana masa hadapan

**SEBERANG JAYA** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng diiringi Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow baru-baru ini melancarkan Pelan Pengurusan Bencana Seberang Perai, serentak dengan penganjuran Jamuan Penghargaan Kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) Paca Banjir di sini.

Bercakap kepada pemberita, Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu bahawa pelan tersebut adalah terdiri oleh tiga komponen utama iaitu Pelan Pengurusan Risiko Bencana, Pelan Pengurusan Krisis dan Pelan Pengurusan Pemulihan Bencana.

"Menerusi pengalaman menghadapi bencana pada 4 November lalu, kita (MPSP) telah mengambil langkah proaktif dengan menyediakan pelan ini.

"Pelan ini merupakan langkah pertama ke arah memastikan kesiapsiagaan Seberang Perai menghadapi bencana pada masa hadapan," jelasnya selepas majlis penghargaan tersebut di Auditorium Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda.

Menurut Rozali, pelan berkaitan juga menggariskan beberapa cadangan dalam Pelan Strategik Seberang Perai yang akan dilaksanakan pada tahun 2018, iaitu penubuhan *Community Emergency Response Team* (CERT) serta *Seberang Perai Humanitarian, Emergency and Risk Reduction Efforts Spears* (SPHERE).

Tambah beliau, di bawah Pelan Pengurusan Risiko Bencana umpamanya diperjelaskan tindakan-tindakan yang perlu diambil sebelum berlakunya bencana, iaitu pencegahan dan peredaran (*mitigation*), kesiapsiagaan (*preparedness*) dan sistem amaran awal (*Early Warning System*).

"Keseluruhan pelan pengurusan bencana ini adalah mengenai tindakan sebelum, ketika dan pasca terjadinya bencana.

"(*Early Warning System*) ini adalah untuk kegunaan (jabatan) dalaman MPSP sahaja, dan tidak akan berlaku pertindihan dengan jabatan teknikal luaran membabitkan Bomba, APM (Angkatan Pertahanan Awam Malaysia), MET Malaysia (Jabatan Meteorologi Malaysia) atau sistem aplikasi pintar (yang mungkin akan) dibangunkan oleh Kerajaan Negeri sendiri," jelasnya.

Ketua Unit Skuad Khas MPSP, Ahmad Zabri Mohamed Sarajudin turut sertai sidang media berkaitan.

# Pelajar terpilih KADUN Seri Delima terima bantuan seragam

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **J. PATMAVATHY**

**SERI DELIMA –** Seramai 430 pelajar sekolah rendah dan menengah terpilih sekitar kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seri Delima menerima bantuan awal pakaian seragam sekolah baru-baru ini.

Bantuan tersebut disampaikan sendiri Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N Rayer pada majlis yang dilangsungkan di Dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Tun Sardon di sini.

Rayer berkata, program pemberian bantuan pakaian seragam sekolah berkaitan diperkenalkan sejak 2009 sebagai galakan dan semangat kepada golongan kurang bernasib baik untuk belajar dengan lebih tekun.

"Tujuannya adalah untuk meringankan bebanan ibu bapa setiap kali tibanya sesi persekolahan baharu yang mana terpaksa menanggung perbelanjaan tinggi dalam menyediakan anak masing-masing ke alam persekolahan.

"(Dan) hari ini, setiap pelajar terpilih yang layak akan menerima pakaian seragam sekolah mengikut kategori sama ada sekolah rendah ataupun menengah," ujarnya sambil ditemani Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh pada majlis penyampaian sumbangan berkaitan.

Apabila ditanya lanjut sama ada program bantuan berkenaan akan diteruskan, Rayer sebagai respons memberitahu bahawa beliau berhasrat untuk meneruskannya dan sebagai tambahan turut mengadakan kelas tuisyen percuma kepada para pelajar yang bakal menduduki peperiksaan.




**R.S.N. Rayer (duduk, tengah) dan Ramkarpal Singh (duduk, berkemeja putih) bergambar kenangan bersama-sama sebahagian penerima pada Majlis Sumbangan Bantuan Pakaian Seragam Sekolah KADUN Seri Delima di sini baru-baru ini.**





**Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang**
Bangunan Tun Dr.Lim Chong Eu, No.1, Persiaran Mahsuri, 11909 Bayan Lepas, Pulau Pinang, Malaysia. Tel: (604) 613 9999/ 505 0001 Fax: (604) 634 0235
Emel: enquiry@pdc.gov.my Laman Web: www.pmm.gov.my Penang Development Corporation Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

Pemaju: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang • No. Lesen Pemaju Perumahan: 8924-5/10-2018/0803(L) Tempoh Sah: 18/10/2016 – 17/10/2018 • No. Permit Iklan & Jualan: 8924-5/10-2018/0803(P) Tempoh Sah: 18/10/2016 – 17/10/2018 • Nama Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang • Nombor Rujukan Pelan Bangunan: MPPP/OSC/PB(6163)/13(LB) | Pajakan Negeri: 99 Tahun (Tarikh Tamat Pajakan: 18/12/2115) • Tarikh Dijangka Siap: Disember 2018 • Bebanan: Tiada • Jumah Unit: 694 unit • Harga Jualan: RM72,500 (Min) – RM330,000 (Maks) • Sekatan Kepentingan: Tanah yang diberimilik ini tidak boleh dipindah milik, dicagar, dipajak, pajakan kecil atau dengan apa-apa urusan sekalipun diuruskan tanpa kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Negeri.

Huraian ciri-ciri di dalam ini adalah cadangan sahaja serta semua ilustrasi dan gambar adalah gambaran artis sahaja dan adalah tertakluk kepada perubahan sebagaimana yang dianggap sesuai oleh pihak pemaju atau sebagaimana yang dinasihatkan oleh pakar-pakar perunding atau diperlukan oleh pihak berkuasa. Sila rujuk kepada Surat Perjanjian Jual Beli bagi unit sebenar untuk mendapatkan spesifikasi dan penerangan yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa dan unit sebenar akan dibina dengan sewajarnya.

# Naik taraf lif Taman Jubilee Fasa 2 tunai hasrat penduduk

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ADUN**

**BATU UBAN –** Kerja-kerja menaik taraf dua unit lif dekat Taman Jubilee Fasa 2 hasil inisiatif Kerajaan Negeri baru-baru ini disifatkan sebagai sesuatu yang ditunggu-tunggu komuniti di sini.

Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Dr. T. Jayabalan berkata, langkah menaik taraf perkhidmatan lif berkenaan umumnya sesuatu yang diluahkan penduduk setempat setelah lif berusia lebih 27 tahun sebelum ini sering kali bermasalah.

Beliau berkata, pihaknya merakamkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana meluluskan sebanyak 15 permohonan menaik taraf lif membabitkan Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Uban.

"Sebagai tambahan, Kerajaan Negeri juga telah meluluskan projek pengecatan Blok 3, Lengkok Nipah dan kerja-kerja menaik taraf tangki air di Taman Jubile Fasa 3 di sini," ujarnya pada majlis Sambutan Krismas dan Majlis Naik Taraf Lif baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Lip Sin, Chan Soon Aun.

Kos menaik taraf dua lif berkenaan adalah sebanyak RM148,400 yang mana 80 peratus daripadanya (RM118,720) dibiayai Kerajaan Negeri melalui Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP), manakala, baki 20 peratus (RM29,680) ditanggung penduduk.



**DR. T. Jayabalan (empat dari kanan) dan Chan Soon Aun (dua dari kanan) merakam gambar kenangan bersama-sama komuniti setempat di hadapan lif Taman Jubilee Fasa 2 yang siap dinaik taraf di sini baru-baru ini.**

## Nekad keluarkan peruntukan turap jalan demi rakyat



**YEOH Soon Hin (lima dari kiri) dan Ramkarpal Singh (enam dari kanan) bersama-sama penduduk Bandar Sun Moon meninjau keadaan jalan siap diturap di Blok 8 serta 10 Bandar Sun Moon di sini baru-baru ini.**

**PAYA TERUBONG –** Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin masing-masing mengeluarkan peruntukan sebagai wakil rakyat untuk pelaksanaan kerja-kerja penurapan jalan dekat kawasan Bandar Sun Moon di sini.

"Penurapan jalan telah dibuat pada dua blok di kawasan ini iaitu di Blok 8 dan Blok 10.

"Di Blok 8, kos penurapan telah menelan sebanyak RM12,889.20, manakala Blok 10, RM9,625", jelas Ramkarpal pada sidang media di sini pada 19 Disember lalu.

Bercakap pada sidang media sama, Soon Hin menyatakan bahawa projek penurapan itu sebenarnya adalah susulan daripada aduan penduduk setempat mengenai jalan berlubang dan rosak.

Justeru, beliau berharap projek itu dapat meningkatkan tahap keselesaan penduduk serta pengguna jalan raya kawasan berkaitan.

"Keselamatan pengguna jalan raya di kawasan ini sangat dititikberatkan memandangkan laluan di sini kebanyakannya adalah curam dan boleh membahayakan para pengguna," jelasnya.

## Nasihat ibu bapa penting dorong anak-anak berjaya – ADUN

**GEORGE TOWN –** Nasihat ibu bapa adalah penting sebagai motivasi bagi mendorong serta menaikkan semangat anak-anak bagi mencapai kecemerlangan dalam pelajaran dan menjadi insan yang berjaya.

Justeru, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo berkata, anak-anak perlu mempraktikkan amalan sedemikian kerana ibu bapa merupakan penentu hala tuju mereka.

Beliau berkata demikian ketika hadir pada penganjuran Program Bantuan Baju Sekolah Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Datuk Keramat di sini baru-baru ini.

Ujarnya, kecemerlangan seseorang pelajar adalah bermula dari rumah, maka amat penting untuk anak-anak mengambil peduli nasihat dan teguran yang diberikan demi masa depan.

"Saya berada di sini hari ini adalah kerana ibu bapa saya yang tidak jemu-jemu menasihati dan menegur setiap langkah.

"(Dan) apabila kita melangkah atas nasihat dan motivasi mereka (ibu bapa) maka suatu hari nanti, tidak mustahil, kamu (pelajar) akan berada di mana saya berada serta menyerahkan sumbangan kepada pelajar-pelajar lain yang memerlukan," ucapnya pada penganjuran berkaitan.

Jagdeep yang juga Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan dalam pada itu turut meluangkan masa beramah-mesra dengan para penerima dan ahli keluarga mereka.

Difahamkan, program tahunan berkaitan dihadiri kira-kira 550 pelajar terpilih dalam KADUN Datuk Keramat termasuk pelajar dari Rumah Ankak-anak Yatim Sri Ramakrishna Ashrama.

Semua pelajar terpilih masing-masing menerima baucar tunai RM50 bagi pembelian pakaian seragam sekolah.



**JAGDEEP Singh Deo (tengah, berkemeja putih) bergambar kenangan bersama-sama para penerima Program Bantuan Baju Sekolah Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Datuk Keramat di sini baru-baru ini.**

# Jom hangatkan *The Path of Hot Balloon Fiesta!*




**SUASANA** di *Butterworth Art Walk.*

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PELANCARAN** *The Path of Hot Balloon Fiesta 2018* masing-masing di Padang Kota Lama dan *Butterworth Art Walk* adalah sebagai salah satu promosi bagi menghangatkan sambutan Fiesta Belon Udara Panas 2018 yang bakal berlangsung pada 24 dan 25 Februari ini.

Ketua Menteri, Y. A.B. Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa penganjuran tiga tahun berturut-turut berkaitan juga adalah bersempena pakej istimewa cuti sambutan Tahun Baru Cina 2018 yang jatuh pada 16 dan 17 Februari 2018.

"Fiesta ini bakal menjadi satu-satunya fiesta belon udara panas di Malaysia, Putrajaya pun sudah '*give up*' anjurkan, dan ini menjadikan Pulau Pinang satu-satunya negeri yang mengambil inisiatif menganjurkan ia.

"Pada penganjuran fiesta 2018, sebanyak 15 belon panas dari dalam dan luar negara bakal mengambil tempat di Padang Polo bermula dari 7 pagi hingga 9:30 malam," umumnya pada Majlis Perasmian The Path of Hot Balloon Fiesta 2018 di Esplanade di sini 21 Disember lalu.

Hadir sama, Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Dato' Maimunah Mohd. Sharif; Setiausaha Bandaraya MBPP, Ar. Yew Tung Seang; Ketua Pegawai Eksekutif Penang Global Tourism (PGT), Ooi Chok Yan dan Ketua Pegawai Eksekutif AKA Balloons Sdn. Bhd., Nur Izzati Khairudin.

*The Path of Hot Balloon Fiesta 2018* di Padang Kota Lama mempamerkan 700 belon udara panas mini hasil seni kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.

Ia digantung menyinari ruang udara Esplanade dan menarik setiap mata yang memandang terutamanya pada waktu malam.

Landskap tersebut pastinya tidak dilepaskan pengunjung dan seisi keluarga untuk berswafoto bagi dijadikan kenangan bersama.

Di *Butterworth Art Walk*, Seberang Perai berhampiran Padang Pemuda Merdeka juga tidak kurang uniknya.

Sebanyak 400 belon udara panas mini digantung di laluan sepanjang 200 meter (Lorong Bagan Luar 1) di sini. Tambah menarik adalah lukisan-lukisan mural yang terdapat di kiri dan kanan.

Bermula 21 Disember 2017 hingga 21 Mac ini, belon udara panas mini di kedua-dua lokasi berkaitan dinyalakan bermula dari jam 7:30 malam hingga jam 12 tengah malam setiap hari khas untuk semua.

Jom, jangan lepaskan peluang keemasan ini!



**BERSWAFOTO seisi keluarga sebagai kenangan.**



**SEBAHAGIAN 700 belon udara panas mini di *The Path of Hot Balloon* Padang Kota Lama.**



**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Perasmian The Path of Hot Balloon Fiesta 2018 di Padang Kota Lama.**